

"Ya Allah, Ya Tuhan kami,
 kiranya kami ini sudah
 terlanjur mengukuri
 nikmat-Mu dengan
 kelakuan-kelakuan kami yang
 Engkau tidak redai, maka
 Engkau ampunkanlah kami dan
 kasihanilah kami dengan
 menarik balik wabak
 koronavirus daripada negara
 kami. Ya Allah mohon supaya
 Engkau bersihkan negara kami
 ini daripada wabak
 sebersih-bersihnya. Amin.
 Wahasbunallahu
 Wani'malwakeel, Walahaula
 Walaa Qowwata Illa Billahil
 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu
 Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas
 Kebawah Duli Yang Maha Mulia
 Paduka Seri Baginda Sultan
 dan Yang Di-Pertuan
 Negara Brunei Darussalam
 pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah
 bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi
 di Istana Nurul Iman.

IBTE, BSP kukuhkan kerjasama kepentingan pembelajaran

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

KUALA BELAIT, Selasa, 13 Februari.
 - Dalam usaha untuk mengiktiraf
 kepentingan pembelajaran awal mengenai
 Keselamatan, Institut Pendidikan Teknik
 Brunei (IBTE) dan Syarikat Minyak Brunei
 Shell Petroleum (BSP) Sendirian Berhad
 petang tadi melancarkan Program
 Pembangunan Kepimpinan Keunggulan
 Inovasi Keselamatan Kesihatan IBTE
 (IBTE S.H.I.E.L.D - IBTE Safety Health
 Innovation Excellence Leadership
 Development) yang berlangsung di
 Kampus IBTE Jefri Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat
 dan seterusnya menyempurnakan
 penyampaian Program Anugerah
 Keselamatan IBTE adalah Pengarah
 Urusan BSP, Agnete Johnsgaard-Lewis.

Dalam ucapan perasmian beliau,
 Agnete Johnsgaard-Lewis menjelaskan
 bahawa BSP dengan tegas meletakkan
 keselamatan sebagai prioriti utama.

"Ia jelas terlihat daripada cara kami
 menjalankan operasi kerja di BSP, dan
 hari ini, kami sangat berbesar hati kerana
 dapat menyampaikan dan berkongsi
 budaya keselamatan kami kepada
 pemimpin masa depan Negara Brunei
 Darussalam dan duta keselamatan.

>> Muka 5

KONGSI RANCANGAN STRATEGIK KHEU 2020-2024



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa Perjumpaan Muhibah Kementerian Hal Ehwal
 Ugama dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2024.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
 Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin,
 12 Februari. - Menteri Hal Ehwal Ugama,
 Yang Berhormat Pehin Udana Khatib
 Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang
 Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka

Haji Awang Othman berharap agar isu-isu
 yang dibincangkan semasa Perjumpaan
 Muhibah Kementerian Hal Ehwal Ugama
 (KHEU) dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat
 Negara (MMN) bagi Tahun 2024 akan dapat
 memberikan rumusan ke hadapan.

>> Muka 2

NBD-UAE meterai perjanjian pertukaran pengalaman pembangunan, pemodenan kerajaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU,
 Selasa, 13 Februari. - Ke arah kukuhkan
 komitmen dan kerjasama dalam memajukan
 dan memodenisasi Perkhidmatan Awam (PA)
 kedua-dua buah negara, Jabatan Perdana
 Menteri (JPM), Negara Brunei Darussalam
 (NBD) dan Kementerian Hal Ehwal Kabinet,
 Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini

memeterai satu Memorandum Persefahaman
 (MoU) dalam pertukaran pengalaman bagi
 pembangunan dan pemodenan kerajaan,
 yang akan mencetuskan perkongsian strategik
 melalui Government Experience Exchange
 Programme (GEEP), yang berlangsung pada
 satu Majlis Penandatanganan di Madinat
 Jumeirah, Dubai, UAE.

>> Muka 3

Hubungan dua hala NBD, Republik Islam Iran akan terus diperluas

Oleh: Khartini Hamir
 Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Selasa, 13 Februari. - Republik
 Islam Iran amat mementingkan hubungannya
 dengan Negara Brunei Darussalam (NBD)
 dan bersedia untuk kukuhkan lagi
 hubungan dua hala mereka dalam semua
 bidang. Tahun ini juga menandakan ulang
 tahun ke-34 penubuhan hubungan diplomatik
 antara NBD dengan Republik Islam Iran.

Pemangku Ketua Misi Kedutaan
 Republik Islam Iran, Abolfazl Azimi semasa
 menyampaikan ucapan pada Majlis Resepsi

bagi meraikan Ulang Tahun Kemenangan
 Revolusi Islam di Republik Islam Iran
 Ke-45 yang berlangsung di Hotel
 Antarabangsa Rizqun, di sini.

Dalam tiga dekad yang lalu katanya,
 kedua-dua negara telah menikmati
 kerjasama yang erat dan hubungan tradisi
 yang mesra atas dasar saling menghormati,
 memahami dan tiada halangan politik dalam
 meluaskan hubungan dua hala tersebut.

>> Muka 3




Berita Utama



3 buah rumah terlibat dalam kebakaran

Muka 6



PEKERJA asing disiasat guna Pas Lawatan

Muka 17



TINGKAT kesedaran, tanggungjawab pulihara alam sekitar

Muka 18



RENCANA PROGRAM Balai Talaqqi diperkenal di UNISSA

Muka 20

Kongsi Rancangan Strategik KHEU 2020-2024



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada Perjumpaan Muhibah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan MMN bagi Tahun 2024.

Kewangan 2023 / 2024.

Sesi Dialog itu dijalankan dalam suasana harmoni yang dapat mengeratkan lagi jalinan ukhuwah antara kedua pihak di samping memberikan inspirasi yang bermanfaat kepada KHEU dan Ahli-ahli MMN, terutamanya mengenai Rancangan Strategik KHEU yang telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi mencapai visi KHEU secara berstruktur dan berhemah serta meningkatkan lagi mutu perkhidmatan agama di Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, sebelum Perjumpaan Muhibah dimulakan, Ahli-ahli MMN berpeluang mengadakan lawatan ke Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal dengan tujuan untuk mengetahui dan menyaksikan secara dekat mengenai proses dan perkhidmatan yang dikendalikan oleh jabatan berkenaan.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; serta ketua-ketua jabatan dan bahagian di bawah kementerian berkenaan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat, terutama mengenai tiga isu iaitu Produk-produk Import yang Diragui Kehalalannya; Hal Ehwal berkaitan Zakat, Wakaf dan Baitulmal; dan Memperkasa Pendidikan Ugama / Sekolah Arab. Perjumpaan Muhibah tersebut diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU.

Sementara itu, Ketua Rombongan Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam dalam ucapannya menghargai segala

perkongsian maklumat daripada KHEU berupa perancangan KHEU, pencapaian, perkembangan dan kemajuan yang dicapai serta cabaran yang dihadapi.

Perkongsian tersebut jelas Yang Berhormat, tidak lain adalah untuk sama-sama meraikan kemajuannya dan penambahbaikannya bagi mempertingkatkan kualiti dan kecekapan serta keberkesanan perkhidmatan yang disediakan dan menjadikannya antara perkhidmatan terbaik yang memberikan manfaat kepada semua pihak khususnya umat Islam di negara ini.

Pada perjumpaan tersebut, taklimat disampaikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim yang antara lain mengongsikan mengenai

Rancangan Strategik KHEU 2020-2024 sebagai panduan dalam merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif perkhidmatan agama serta sebagai pengukur kepada pencapaian pada peringkat antarabangsa, khususnya dalam platform MABIMS.

Selain itu, KHEU juga mengambil langkah strategik dengan mengoptimalkan sumber tenaga manusia melalui penyelarasan struktur organisasi kementerian dalam memastikan pelaksanaan perkhidmatan agama akan lebih teratur dan terarah.

Atur cara diteruskan dengan Sesi Dialog antara Ahli-ahli MMN dengan pihak KHEU yang memfokuskan kepada isu-isu yang ditimbulkan semasa Sesi Perbahasan Rang Undang-undang 2023, Perbekalan Tahun

SIDANG PENGARANG 14 FEBRUARI 2024

Tunaikan sembahyang sesempurnanya

SEMBAHYANG adalah ibadat yang menduduki tempat tertinggi. Seandainya seseorang Muslim itu taat mendirikan sembahyang fardu sebanyak lima kali dalam sehari bermakna dia seolah-olah menegakkan agamanya.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1445H/2024M menegaskan, orang-orang yang sentiasa memelihara sembahyang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala akan memperoleh nikmat kebahagiaan dan keuntungan.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'minin, ayat 9 hingga 11 tafsirnya : "Dan orang-orang yang tetap memelihara sembahyang, mereka itulah pewaris-pewaris yang akan mewarisi syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya."

Sembahyang adalah rukun kedua daripada Rukun Islam sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud Islam ditegakkan di atas lima perkara, iaitu bersyahadah bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad ini Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan haji bagi yang berkemampuan menunaikannya (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Justeru, Islam tidak akan tertegak pada diri seseorang melainkan tertegaknya kesemua Rukun Islam.

Perkara paling penting yang mesti diambil perhatian oleh kita ialah tunaikan sembahyang sesempurnanya, menurut rukun-rukun dan syarat-syaratnya serta menjaga waktu sembahyang, jadikan ia sebagai 'Key Performance Indicator' (KPI) dan segenap kehidupan kita.

Sembahyang perlu ditafsirkan sebagai jalan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala untuk membimbing manusia supaya sentiasa menghargai dan menepati masa. Allah Subhanahu Wata'ala juga telah berfirman dalam Surah An-Nisaa', ayat 103 yang mafhumnya :

Kemudian apabila kamu telah selesai mendirikan sembahyang maka ingatlah Allah ketika kamu berdiri dan duduk serta ketika kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu ialah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya.

Jelas kepada kita, mendirikan sembahyang itu bukan seperti melepaskan batuk di tangga sahaja, sebaliknya Allah Subhanahu Wata'ala arahkan kita khusyuk iaitu memberi sepenuh tumpuan terhadap ibadat sembahyang. Sesungguhnya sembahyang ialah penawar bagi seluruh kehidupan dunia dan akhirat. Segala masalah duniawi mahupun ukhrawi dapat diselesaikan dengan sembahyang kerana mendirikan sembahyang ketika dalam masalah itu umpama bersegera menuju rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

- Ketua Penyuntingan (Ad)

WAKTU SEMBAHYANG										
Februari MASIHI	HARI	Syaaban HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	RABU	4	5.07	5.17	6.36	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
15	KHAMIS	5	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	JUMAAT	6	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	SABTU	7	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.33	7.44
18	AHAD	8	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
19	ISNIN	9	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	SELASA	10	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
31 26 °C	31 26 °C	32 26 °C	
Pekan Bangar			
31 26 °C	31 26 °C	32 26 °C	
Pekan Tutong			
31 26 °C	31 26 °C	32 26 °C	
Kuala Belait			
31 26 °C	31 26 °C	32 26 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منترى دان دجيتق اوله قرين قلس سنديرين برحد، نكرا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

NBD-UAE METERAI PERJANJIAN PERTUKARAN PENGALAMAN PEMBANGUNAN, PEMODENAN KERAJAAN



MENANDATANGANI Memorandum Persefahaman bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II manakala bagi pihak Kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE), Menteri Hal Ehwal Kabinet, Tuan Yang Terutama Mohammad Abdullah Al Gergawi pada Majlis Penandatanganan di Madinat Jumeirah, Dubai, UAE (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Manakala menandatangani bagi pihak Kerajaan UAE, Menteri Hal Ehwal Kabinet, Tuan Yang Terutama Mohammad Abdullah Al Gergawi.

Penandatanganan MoU berkenaan, antara lain menekankan komitmen antara NBD dan UAE dalam kemajuan, pembangunan dan pemodenan kerajaan, dan pada masa yang sama turut menggariskan visi bersama kedua-dua buah negara dalam memartabatkan tadbir urus kerajaan dan mengukuhkan kerjasama antarabangsa.

Perkongsiannya berkenaan juga merangkumi inti pati pakatan strategik, memupuk persahabatan antara kedua-dua buah negara serta dedikasi

ke arah pembangunan kerajaan dalam memudah cara kerjasama melalui pertukaran pengalaman dan perkongsian amalan terbaik dalam bidang pembangunan kapasiti PA, perubahan iklim, dan strategi tenaga yang boleh diperbaharui.

Turut hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berada di Dubai

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

adalah bagi menghadiri World Governments Summit 2024 pada 12 hingga 14 Februari 2024, yang merupakan sebuah sidang kemuncak bertemakan 'Shaping Future Governments' bagi memupuk kerjasama antarabangsa dan membolehkan kerajaan untuk mengenal pasti penyelesaian inovatif kepada cabaran-cabaran masa depan sebagai inspirasi kepada generasi akan datang.

Program GEEP adalah merupakan inisiatif Kerajaan UAE

ke arah perkongsian pengetahuan dan pengalaman bagi amalan terbaik untuk membina kapasiti institusi pembangunan dan pemodenan kerajaan.

Dengan penandatanganan MoU berkenaan, NBD merupakan negara ahli ASEAN pertama yang menyertai program berkenaan, dan membuka peluang untuk berkongsi pengalaman dan seterusnya mempelajari amalan terbaik antara kedua-dua buah negara.

Hubungan dua hala NBD, Republik Islam Iran akan terus diperluas



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku wakil kerajaan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi bagi meraikan Ulang Tahun Kemenangan Revolusi Islam di Republik Islam Iran Ke-45 berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

"Hubungan ini juga telah diperkukuhkan lagi dengan mengadakan beberapa pertukaran lawatan, dan saya percaya masih terdapat banyak ruang dan kapasiti untuk menjalinkan kerjasama dalam ekonomi, perdagangan, pelaburan, kebudayaan, pelancongan dan lain-lain," ujarnya.

Hubungan dua hala antara Republik Islam Iran dengan NBD juga katanya lagi, akan terus diperluas sehingga membuahkan hasil yang lebih besar pada masa akan datang melalui usaha dan

keazaman bersama berdasarkan rasa hormat dan faedah bersama.

Bagi tujuan itu, Kedutaan Republik Islam Iran di negara ini akan cuba sedaya upaya untuk menjadi pemangkin serta saling berganding bahu dalam merapatkan hubungan kedua-dua buah negara.

Terdahulu, beliau antara lain mengongsikan tentang peristiwa penting yang pernah tercatat 45 tahun yang lalu di mana rakyat Iran membuka lembaran baharu dalam sejarahnya dengan memulakan era baharu dalam tamadun purba tersebut, dan Revolusi adalah pertanda kemerdekaan dan kebebasan daripada menyerah kalah kepada kuasa asing.

"Sepanjang empat dekad yang lalu, Iran telah memperoleh banyak pencapaian dalam bidang yang berbeza, dan negara berkenaan telah berjaya menguasai banyak teknologi canggih," ujarnya lagi.

Berkenaan dengan dasar luar tambahnya, Iran sentiasa melampirkan tinggi kepentingan untuk mematuhi hubungan kejiwaan yang baik dan pengembangan hubungan di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa dengan semua negara lain di dunia.

Iran juga secara konsisten berpegang kepada kemerdekaan dalam dasar luar serta prinsip lain dalam hal ehwal antarabangsa seperti kemajuan keamanan

sejagat dan serantau, kestabilan, keselamatan dan keadilan; mempromosi persefahaman antarabangsa melalui dialog dan interaksi budaya, serta perjuangan menyeluruh menentang keganasan, ekstremisme dan akar-akarnya.

Hadir selaku wakil kerajaan Negara Brunei Darussalam, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Kemuncak majlis ialah memotong kek ulang tahun yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-

undang), JPM bersama Pemangku Ketua Misi Kedutaan Republik Islam Iran.

Para tetamu yang hadir kemudiannya dialu-alukan untuk menikmati jamuan yang disediakan sambil menyaksikan tayangan video mengenai Republik Islam Iran.

Republik Islam Iran dan NBD antara dua buah negara yang mempunyai persamaan dari segi sejarah, budaya dan agama serta mempunyai banyak minat sama yang membuatkan kedua-dua buahnya menjadi lebih rapat dan meningkatkan hubungan serta kerjasama dalam pelbagai aspek.

PPDB ANJUR CERAMAH ISRAK MIKRAJ

■ Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



TATACARA MENGHADIRI

UJIAN • TEMU DUGA • URUSAN RASMI

1 UJIAN ART MASIH PERLU DISEMAK OLEH PENGAWAL KESELAMATAN.



KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH

2 TUNJUKKAN KOD BRUHEALTH DAN ART KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BANGUNAN.



HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN MERAH DIBENARKAN MASUK.

3 BAGI YANG MEMPUNYAI KOD UNGU, HENDAKLAH MENGHUBUNGI PIHAK URUS SETIA PEJABAT SPA MELALUI TALIAN PERHUBUNGAN SPA



+673 7371961

query@spa.gov.bn

4 HENDAKLAH MELAPOR DIRI KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DI TINGKAT I TERLEBIH DAHULU.



5 PEMAKAIAN SUNKUP MUKA BAGI ORANG RAMAI YANG DATANG BERURUSAN KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.



6 HADIR PADA TARIKH DAN WAKTU YANG DITETAPKAN BAGI UJIAN ATAU TEMU DUGA.



7 MESTILAH BERPAKAIAN KEMAS, SOPAN DAN MENUTUP AURAT.



8 TERUS BEREDAR SETELAH SELESAI BERURUSAN.

EXIT



HADIR selaku tetamu kehormat pada majlis ceramah bersempena memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB (atas). Sementara gambar atas kiri, ceramah bertajuk 'Solat Tiang Agama' disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Abdul Rahman bin Haji Ajak.

GADONG, Isnin, 12 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan majlis ceramah bersempena memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj yang diadakan di Surau Polis Gadong, PPDB, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman

bin Alidin berserta Para Pengarah, Timbalan Pengarah, para Pegawai Pemerintah Daerah Polis, Ketua-ketua Formasi, pegawai-pegawai kanan, anggota serta kakitangan PPDB.

Majlis dimulakan dengan ceramah agama yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Abdul Rahman bin Haji Ajak dengan tajuk 'Solat Tiang Agama'.

Antara pengisian ceramah tersebut ialah belajar tentang

rukun-rukun solat, memahami bacaan dalam solat, hadirkan diri untuk solat, jauhi waswas dalam solat dan sediakan tempat atau ruang di rumah untuk solat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam Surau Polis Gadong, PPDB, Apo Staf Sarjan 6472 Muhd. Yusri bin Haji Abu Bakar.

Majlis Ceramah Sambutan Israk dan Mikraj ini diselenggarakan oleh Badan Ugama Islam, PPDB.

Persembahan tarian singa pukai penonton



CHUNG Hwa School Kiudang mengadakan Persembahan Tarian Singa sempena Sambutan Tahun Baharu Cina.

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Isnin, 12 Februari. - Chung Hwa School Kiudang (CHSK) pagi tadi mengadakan Persembahan Tarian Singa sempena Sambutan Tahun Baharu Cina yang berlangsung di sekolah berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah

Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Atur cara dimulakan dengan persembahan Tarian Singa yang menarik dan bertenaga daripada Persatuan Amal Unity yang turut disertai oleh penuntut CHSK dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Semasa persembahan tersebut, para tetamu berpeluang untuk berinteraksi dan memberikan

sampul merah kepada kumpulan penari berkenaan yang mengelilingi perkarangan sekolah.

Acara antara lain diadakan untuk memeriahkan lagi sambutan Tahun Baharu Cina, selain untuk memperkenalkan budaya tarian singa kepada masyarakat.

Juga hadir, para ibu bapa / penjaga pelajar, guru-guru, lembaga-lembaga pengelola sekolah dan masyarakat.

MAJLIS RUMAH TERBUKA ERATKAN HUBUNGAN PERSAHABATAN, KEKELUARGAAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Arno Zoey Wonderland



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir pada Majlis Rumah Terbuka sempena Tahun Baharu Cina.

SUNGAI HANCHING, Selasa, 13 Februari. - Meskipun berbeza bangsa namun semangat silaturahmi dalam kehidupan masyarakat di negara ini semakin utuh lebih-lebih lagi dalam sama-sama memeriahkan lagi sambutan Tahun Baharu Cina.

Majlis Rumah Terbuka sudah menjadi kelaziman semasa sambutan Tahun Baharu Cina demi mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan kekeluargaan.

Kesempatan berkenaan turut

dimeriahkan lagi dengan kunjungan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf serta isteri pada Majlis Rumah Terbuka di kediaman Pengarah Arno Zoey Wonderland, Jessie Lim di Sungai Hanching.

Turut hadir pada Majlis Rumah Terbuka sambutan Tahun Baharu Cina berkenaan ialah rakan-rakan media.

IBTE, BSP kukuhkan kerjasama kepentingan pembelajaran



>> Muka 1

"IBTE dan BSP mempunyai kerjasama yang berkekalan, terutamanya dalam memupuk bakat-bakat teknikal dalam industri minyak dan gas. Saya berharap bahawa melalui kolaborasi ini,

kita akan dapat mengukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua pihak, terutamanya dalam menghasilkan tenaga kerja teknikal yang bersedia untuk masa depan (*future-ready*) dan berjiwa keselamatan (*safety-conscious*)," tambahnya lagi.

Program IBTE S.H.I.E.L.D

كمنترين كصيححتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

Tekanan darah tinggi

Kolesterol tinggi

Kencing manis

Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.

Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 50-75 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 50-69 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
4. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 20-65 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu
www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Daudin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

direka untuk memberi tumpuan kepada membentuk sikap minda dalam kalangan pelajar mengenai kepentingan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (KKP), terutamanya dalam industri yang mencabar seperti Minyak dan Gas.

Komponen utama program ini ialah latihan yang dijalankan oleh jurulatih BSP di mana para pelajar mendapat manfaat daripada pembelajaran industri bersama dan aplikasi amalan terbaik.

Acara juga diselenggarakan dengan pelancaran pusat pembelajaran baharu untuk pelajar yang menyediakan platform pembelajaran tambahan bagi mereka untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran mengenai KKP yang dirasmikan oleh tetamu kehormat.

Seramai 14 pelajar dari pelbagai program HNTec menyertai program ini di mana mereka menjalani latihan oleh jurulatih BSP dan IBTE untuk menyediakan projek



PENGARAH Urusan BSP, Agnete Johnsgaard-Lewis hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan penyampaian Program Anugerah Keselamatan IBTE (kiri dan atas).

berkaitan dengan KKP.

Pelajar-pelajar ini juga dilatih untuk menjadi duta keselamatan bagi kohort pelajar seterusnya yang akan menjalankan projek yang sama di bawah inisiatif berkenaan.

Program tersebut juga akan dijadikan aktiviti tahunan yang dijalankan untuk semua pelajar bagi

melengkapkan modul KKP sekolah mereka yang sedia ada selaras dengan matlamat IBTE untuk menyebarkan dan memupuk KKP.

Juga hadir, Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli serta pegawai-pegawai kanan daripada IBTE dan BSP.

3 BUAH RUMAH TERLIBAT DALAM KEBAKARAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Februari. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima laporan mengenai insiden kebakaran rumah yang berlaku di kawasan Kampung Sungai Kebun baru-baru ini.

Seramai 39 orang anggota bomba dari Balai Bomba Sungai Kebun dan Balai Bomba

Pelancaran telah dikerahkan ke tempat kejadian dan diketuai oleh ASO Kalali bin Haji Munchit. Operasi tersebut turut menerima bantuan tenaga dari Balai Bomba Bandar Seri Begawan, Balai Bomba Beribi dan Balai Bomba Berakas.

Ketika sampai di tempat kejadian, anggota bomba segera

bertindak memadam kebakaran tersebut dengan menggunakan tujuh jet hos 64mm ke 38mm dengan menggunakan *control dividing breeching*. Manakala air diperoleh daripada air terbuka dan pili bomba yang berdekatan.

Dalam insiden itu, sebanyak tiga buah rumah telah terlibat dalam kebakaran tersebut di mana api dapat dikawal dalam masa satu jam dan pihak bomba juga berjaya mengawal kebakaran tersebut daripada terus merebak. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh pihak JBP, tidak ada korban jiwa dan kecederaan berlaku dan punca serta anggaran kerugian masih dalam penyiasatan.

Sehubungan itu, pihak JBP ingin menyarankan kepada orang ramai agar memastikan menutup (*switch off*) mana-mana suis peralatan elektrik selepas digunakan atau sebelum meninggalkan bangunan.

Selain itu, JBP juga menasihati untuk memastikan penyelenggaraan wayar elektrik dikendalikan oleh syarikat

JABATAN Bomba dan Penyelamat menerima laporan mengenai insiden kebakaran rumah yang berlaku di kawasan Kampung Sungai Kebun baru-baru ini (kiri dan atas kanan).



yang bertauliah mengikut piawaian yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Seterusnya, memastikan bangunan dilengkapi dengan peralatan keselamatan kebakaran iaitu alat pemadam api jenis debu kering 2kg dan selimut api (*fire blanket*).

Akhir sekali, orang ramai juga dinasihatkan untuk mengetahui

mengenai tatacara penggunaan alat pemadam api dengan betul bagi tindakan awal memadam api kebakaran kecil.

Oleh yang demikian, JBP juga mengingatkan lagi kepada orang ramai, jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan seterusnya memberikan maklumat dengan tepat.

Serlahkan bakat dalam Peraduan Menulis Sajak

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah sedang mengunyahkan Pantaran Sastera DBP : Peraduan Menulis Sajak Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024

Peraduan berkenaan terbuka kepada dua kategori, iaitu Kategori 'A' untuk kanak-kanak berumur tujuh tahun hingga 12 tahun; dan Kategori 'B' untuk remaja berumur 13 tahun hingga 17 tahun.

Tema peraduan ialah 'Nasionalisme dan Patriotisme', iaitu semangat jati diri; nilai-nilai

kebangsaan; kesetiaan dan perpaduan; dan cinta kepada negara.

Bersama ini disertakan Kod QR untuk muat turun borang penyertaan dan tarikh tutup penyertaan ialah pada Rabu, 21 Februari 2024.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai peraduan berkenaan, bolehlah menghubungi Urus Setia Peraduan menerusi talian +673 2382511 sambungan 137, 167, 191 dan 192 atau Instagram @bahagiansasteradanmajalah, @dbpbrunei atau Facebook Bahagian Sastera dan Majalah dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.pppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PANTARAN SASTERA DBP:
PERADUAN MENULIS SAJAK SEMARAK HARI KEBANGSAAN
Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024

Tema:
Nasionalisme dan Patriotisme

- Semangat jati diri
- Nilai-nilai kebangsaan
- Kesetiaan dan perpaduan
- Cinta kepada negara

Terbuka kepada dua kategori:
Kategori A (Kanak-kanak) berumur 7 tahun hingga 12 tahun
Kategori B (remaja) berumur 13 tahun hingga 17 tahun

Tarikh Tutup Penyertaan Rabu, 21 Februari 2024

Maklumat Lanjut:
Urus Setia Pantaran Sastera DBP:
Peraduan Menulis Sajak Semarak Hari Kebangsaan
Bahagian Sastera dan Majalah
Tingkat 3, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas
Telefon: 2382511 samb. 137, 167, 191 dan 192

Sila imbas Kod QR untuk borang penyertaan

www.dbp.gov.bn

[bahagiansasteradanmajalah](https://www.instagram.com/bahagiansasteradanmajalah) [Bahagian Sastera dan Majalah](https://www.facebook.com/bahagian.sastera.dan.majalah)
[dbpbrunei](https://www.instagram.com/dbpbrunei) [Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei](https://www.facebook.com/dewan.bahasa.dan.pustaka.brunei)

60 PESERTA PERDENGARKAN HAFAZAN PADA SEPARUH AKHIR MUSABAQAH

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



ANTARA peserta yang memperdengarkan hafazan masing-masing pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah (kiri dan kanan).

dalam Kategori 'B', Menghafaz Surah-surah Pilihan, iaitu Surah Luqman; Surah As-Sajdah; Surah Yaasiin; Surah Ar-Rahman; Surah Al-Waqi'ah; Surah Al-Jumu'ah; Surah Al-Mulk; Surah Al-Jinn; dan Surah Al-Insan, Berserta Pemahamannya, Surah Al-Qasas dan Surah Al-'Ankabut.

Kemudian diteruskan lagi dengan Musabaqah Menghafaz Al-Quran bagi Kategori 'C' seramai 12 peserta, iaitu enam lelaki; dan enam perempuan; serta Menghafaz Surah Al-Baqarah dan Surah Ali 'Imran Berserta Pemahamannya, Surah Yunus dan Surah Hud.

Musabaqah akan diteruskan



BERAKAS, Selasa, 13 Februari. - Seramai 60 peserta akan memperdengarkan hafazan masing-masing pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 15 Februari 2024, bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan

Antarabangsa, Berakas. Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya dibahagikan kepada lima kategori, iaitu Kategori 'A'; Kategori 'B'; Kategori 'C'; Kategori 'D'; dan Kategori 'E'.

Sehubungan dengan itu, pada hari pertama seramai 12 peserta terdiri daripada enam lelaki dan enam perempuan bertanding

pada hari kedua, iaitu bagi Kategori 'D', Menghafaz 15 Juz Al-Quran dari Juz 1 hingga juz 15, iaitu Surah Saba'; Surah Fatir; dan Surah Yaasiin berserta Pemahamannya (12 peserta), dan Kategori 'E', Menghafaz 30 Juz Al-Quran dari Juz 1 hingga Juz 30, iaitu Surah Al-Fatihah; dan Surah Al-Baqarah Berserta Pemahamannya (12 peserta).

Manakala hari terakhir akan mendengarkan peserta bagi Kategori 'A', Menghafaz 1 Juz Al-Quran, iaitu Juz 30 Berserta Pemahamannya Juz 30 (12 peserta).

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS bagi menyemarakkan hari-hari

kebesaran Islam, dan ia merupakan antara pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan pada setiap tahun.

Antara tujuan musabaqah berkenaan diadakan adalah bagi menggalakkan umat Islam di negara ini untuk berjinak-jinak mencintai Al-Quran melalui hafazan dan menjadikannya sebagai satu rutin dan amalan harian di samping untuk menambahkan lagi golongan para penghafaz Al-Quran di negara ini, serta mendapatkan pahala dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, ia juga bagi mendorong dan membantu peserta dan orang ramai untuk memahami maksud apa yang terkandung dalam Al-Quran termasuk fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid.

Peluang sertai Peraduan Fotografi HK

Siaran Akbar dan Infografik :
Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan menganjurkan Peraduan Fotografi Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 bertemakan 40 Tahun Negara Merdeka.

Sebanyak tiga kategori akan dibukakan iaitu Kategori Khas (Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bersama Rakyat dan Penduduk atau Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam); Kategori 'A' (Umum) dan Kategori 'B' (Sajak Potret).

Gambar-gambar yang diambil hendaklah berkaitan dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, termasuklah acara-acara Upacara Menaikkan dan Menurunkan Bendera Besar; Majlis Kesyukuran Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Yaa Siin dan Doa Kesyukuran; Raptai Penuh Upacara Perhimpunan Agung.

Sementara itu juga acara Upacara Perhimpunan Agung; Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan dan Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada Khamis, 7 Mac 2024, jam 4.00 petang. Orang ramai bolehlah mengimbas kod QR

قرادوان فوتوگرافي

PERADUAN FOTOGRAFI

SEMARAK HARI KEBANGSAAN
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40, TAHUN 2024

Tema:
40 Tahun Negara Merdeka

Penyertaan adalah PERCUMA

Tarikh tutup penyertaan:
KHAMIS
26 SYAABAN 1445/
7 MAC 2024
PUKUL 4.00 PETANG

Kategori Peraduan:

- KATEGORI KHAS** (Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bersama Rakyat dan Penduduk ATAU Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam)
- KATEGORI A** (Umum)
- KATEGORI B** (Sajak Potret)

Berminat? Sila hubungi:
Urus Setia
Peraduan Fotografi
Semarak Hari Kebangsaan Sempena
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024
Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan
Pengiktirafan, Tingkat 2, Dewan Bahasa dan
Pustaka, Jalan Pembangunan, Berakas BB3510,
Negara Brunei Darussalam.
☎ +673 2382511 sambungan 148 atau 166

Sila imbas kod QR untuk keterangan lanjut dan borang penyertaan peraduan

untuk mengetahui syarat dan borang penyertaan peraduan. Sebarang pertanyaan bolehlah

menghubungi Urus Setia Peraduan menerusi talian +673 2382511 sambungan 148 dan 166.

NO PHONE

Jangan Menggunakan Telefon Bimbit Semasa Memandu

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

#YOUandME

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmet and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

TAKLIMAT KENEGARAAN KUKUH SEMANGAT SOLIDARITI

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

TEMBURONG, Isnin, 12 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Arab Temburong bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan

Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Guru Besar, Sekolah Arab Temburong, Awang Morsidi bin Haji Awang Tuah; Timbalan Guru Besar, Sekolah Arab Temburong, Dayang

Hashidah binti Haji Awang, dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Nooramalina binti Haji Mohd. Daud, selaku Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Jabatan Penerangan kepada seramai 63 penuntut Tahun 5, 6, 7 dan 8.

Isi kandungan taklimat antara

lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara iaitu hendaklah memastikan bendera negara dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Arab Temburong (kanan dan atas).



MINDA PEMBACA

Jangan leka dengan jenayah penipuan kewangan

JANGAN leka dengan jenayah penipuan kewangan, amaran ini yang perlu diambil serius oleh masyarakat moden. Dalam era teknologi maklumat dan transaksi elektronik, penipuan kewangan menjadi ancaman yang semakin canggih dan sering tidak dapat dikesan dengan mudah. Oleh itu, kesedaran dan kebijaksanaan dalam urusan kewangan adalah kunci untuk melindungi diri daripada risiko yang berkaitan dengan penipuan.

Penipuan kewangan boleh melibatkan pelbagai skema yang merugikan, termasuk penipuan kad kredit, penipuan identiti, dan penipuan pelaburan. Seiring dengan kemajuan teknologi, penjenayah kewangan semakin kreatif dalam menentukan cara

operasi yang kompleks dan sukar dikesan. Masyarakat perlu memahami ancaman ini dan mengambil langkah-langkah berjaga-jaga. Ketidakepekaan terhadap jenayah penipuan kewangan bermula dengan pengetahuan. Masyarakat perlu dididik mengenai taktik penipuan yang lazim dan cara untuk mengenal pasti tanda-tanda amaran. Mengetahui cara untuk melindungi maklumat peribadi, seperti nombor kad kredit dan kata laluan, adalah langkah pertama untuk mengelakkan penipuan identiti.

Selain itu, penggunaan teknologi keamanan dalam urusan kewangan menjadi semakin penting. Penggunaan aplikasi pengesanan aktiviti mencurigakan dalam akaun bank dan

kad kredit boleh memberikan peringatan awal terhadap sebarang transaksi yang mencurigakan. Masyarakat juga perlu memastikan bahawa mereka menggunakan laman sesawang dan platform kewangan yang selamat dan sah. Kerjasama dengan pihak berkuasa dan agensi keselamatan kewangan juga merupakan komponen penting dalam memerangi penipuan kewangan. Melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan atau transaksi yang meragukan kepada pihak berwajib dapat membantu dalam menjejaki dan menangani kes penipuan dengan lebih efektif. Syarikat perlu meningkatkan langkah-langkah kawalan dalaman dan pengauditan untuk melindungi aset mereka. Penglibatan kakitangan dalam

latihan kesedaran dapat membina kekuatan pertahanan terhadap penipuan kewangan di peringkat organisasi.

Kesimpulannya, jangan leka dengan jenayah penipuan kewangan adalah amaran yang tidak boleh diambil ringan. Kesedaran, pendidikan, dan kerjasama adalah kunci untuk melindungi diri dan masyarakat daripada ancaman penipuan kewangan. Dengan memahami risiko dan mengamalkan kesedaran dalam urusan kewangan, kita dapat menjelajahi dunia kewangan dengan lebih selamat dan aman.

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis
No. K/P : 01-099XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Lakukan Perubahan Dalam Mencegah, Merawat Kanser'. Tarikh Tutup : 14 Februari 2024
2. 'Lindungi Hidupan Liar Kitani'. Tarikh Tutup : 21 Februari 2024
3. 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tarikh Tutup : 28 Februari 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MANFAATKAN MASA TERLUANG DENGAN AKTIVITI BERFAEDAH

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



MANFAATKAN masa yang terluang dengan melakukan pelbagai aktiviti menjadikan fizikal dan mental yang sihat, yang membolehkan kita berfikir secara rasional dan membuat pertimbangan yang betul.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Februari. - Masa lapang merupakan peluang yang sangat berharga dan menjadi amat bernilai jika kita tahu mengisinya dengan perkara atau aktiviti yang memberi banyak faedah.

Masa tidak sepatutnya terbuang begitu sahaja dan ia perlu diisi dengan pelbagai perkara dan aktiviti yang dapat memberi manfaat dan keseronokan kepada diri sendiri dan juga masyarakat sekitar.

Dengan memanfaatkan masa yang terluang akan serba sedikit membuka peluang kita untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan kreativiti.

Sesetengah masyarakat memilih untuk melakukan aktiviti di luar rumah seperti mendaki bukit (*hiking*), memancing, bercucuk tanam dan sebagainya, atau aktiviti di dalam rumah seperti membaca buku, mengemas dan lain-lain.

Dengan merancang aktiviti-aktiviti seumpama berkenaan bukan sahaja memberi faedah yang sangat berguna namun ia juga bebas daripada teknologi sekali gus dapat mengelakkan diri daripada terlalu menghabiskan masa menggunakan peranti elektronik.

Selain itu, dengan memanfaatkan masa yang terluang dengan melakukan pelbagai aktiviti menjadikan fizikal dan mental yang sihat, yang membolehkan kita berfikir secara rasional dan membuat pertimbangan yang betul.

Merancang dan mengendalikan masa lapang dengan tepat menunjukkan bahawa pentingnya kita untuk menghargai masa yang

kita ada.

Justeru, kita perlu bijak mendisiplinkan diri untuk mengatur

dan membahagikan masa agar ia tidak terbuang dengan begitu sahaja.

TATACARA

MENDAFTAR PROFIL PSCR 2.0

سوروهنجاي فر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

- 01**

Layari laman sesawang PSCR 2.0 di WWW.RECRUITMENT.GOV.BN dan klik LOG MASUK
- 02**

Log masuk menggunakan akaun e-darussalam
- 03**

Cipta PSCR TOKEN awda bagi tujuan keselamatan dan pastikan klik SIMPAN
- 04**


Klik Dashboard Saya dan Kemaskini profil awda sehingga indikasi dashboard bar menunjukkan 100%

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia


Sila muat turun



PenggunaBijak



جابتن فر انخفن ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



KELUARAN KEDUA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MANAKALA perkara-perkara yang disunatkan padanya berwudhu' bagi tujuan keluar daripada perbezaan pendapat para ulama mengenai perkara-perkara yang membatalkan wudhu' pula antaranya ialah:

- Berwudhu' selepas berbekam, selepas menjalani *al-fashd* (mengeluarkan darah yang tidak baik melalui urat) dan apabila keluar darah dari hidung.
- Berwudhu' kerana *nu'as*, iaitu tidur yang masih sedar dan masih mendengar percakapan orang sekeliling walaupun dia tidak memahami percakapan tersebut.
- Berwudhu' kerana tidur dalam keadaan duduk yang tetap punggungnya.

BERWUDHU' kerana hendak masuk ke masjid atau duduk di dalamnya atau melintasinya bagi membesarkan dan memuliakan masjid.

Adapun perkara-perkara yang disunatkan padanya berwudhu' bagi tujuan menghapuskan dosa ialah seperti berwudhu' kerana melihat sesuatu dengan syahwat atau kerana menuturkan kata-kata yang keji seperti mengumpat, berdusta, mengeji, memfitnah dan sebagainya kerana wudhu' dapat menghapuskan dosa-dosa kecil.

PERKARA-PERKARA YANG DISUNATKAN PADANYA BERWUDHU'

- Berwudhu' kerana muntah.
- Berwudhu' kerana ketawa ketika sembahyang.
- Berwudhu' kerana memakan sesuatu yang disentuh atau dimasak dengan api, sama ada yang dibakar, dipanggang atau apa sahaja bentuk masakan yang menggunakan api.
- Berwudhu' kerana memakan daging unta atau meminum susunya.
- Berwudhu' kerana syak sama ada berhadats atau tidak.
- Berwudhu' bagi lelaki yang menyentuh *al-amrad*. Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah*, *al-amrad* ialah remaja lelaki yang belum tumbuh janggutnya.
- Berwudhu' bagi lelaki yang menyentuh kanak-kanak perempuan.
- Berwudhu' kerana menyentuh rambut bukan mahram.
- Berwudhu' kerana menyentuh khunsa.
- Berwudhu' selepas mengangkat atau menyentuh mayat.
- Berwudhu' kerana menyentuh kemaluan manusia menggunakan belakang tapak tangan atau menggunakan bahagian di antara jari-jemari.
- Berwudhu' kerana menyentuh buah zakar.
- Berwudhu' kerana menyentuh kemaluan binatang.
- Perkara-perkara yang disunatkan padanya berwudhu' bagi tujuan *ta'zhim* pula antaranya ialah:
 - Berwudhu' kerana hendak membaca al-Qur'an atau mendengar al-Qur'an dibacakan.
 - Berwudhu' kerana hendak meriwayatkan hadits, membacanya atau mendengar hadits dibaca atau diriwayatkan.
 - Berwudhu' kerana hendak membaca, menulis, mendengar atau

Berwudhu' selepas menyentuh orang yang menghidap penyakit kusta.

Adapun niat wudhu' bagi perkara-perkara di atas adalah sama dengan niat wudhu' sepertimana biasa, iaitu dengan niat mengangkat hadas kecil atau dengan niat menunaikan fardhu wudhu' atau sebagainya.

Asy-Syaikh Sa'id bin Muhammad Ba 'Ali Ba 'Isyn Rahimahullah berkata dalam kitabnya Busyra al-Karim:

Ertinya: Dan dia berniat dengannya pada kesemua ini (dengan niat untuk) mengangkat hadats, atau (menunaikan) fardhu wudhu' atau yang selainnya daripada niat-niat yang diiktiraf dalam wudhu'.

mempelajari ilmu-ilmu syara' (ugama). Begitu juga sunat berwudhu' kerana hendak membawa kitab-kitab tersebut atau kerana hendak membacanya kepada orang lain. Yang demikian itu ialah bagi membesarkan dan memuliakan ilmu-ilmu syara' serta agar dia berada dalam keadaan yang terbaik ketika bermuamalah dengan ilmu-ilmu berkenaan.

iv. Berwudhu' kerana hendak berzikir supaya ketika berzikir itu dia berada dalam keadaan yang terbaik. Begitu juga disunatkan berwudhu' untuk mendengar zikir dan menghadiri majlis-majlis zikir.

v. Berwudhu' kerana hendak masuk ke masjid atau duduk di dalamnya atau melintasinya bagi membesarkan dan memuliakan masjid.

Adapun perkara-perkara yang disunatkan padanya berwudhu' bagi tujuan menghapuskan dosa ialah seperti berwudhu' kerana melihat sesuatu dengan syahwat atau kerana menuturkan kata-kata yang keji seperti mengumpat, berdusta, mengeji, memfitnah dan sebagainya kerana wudhu' dapat menghapuskan dosa-dosa kecil.

Selain perkara-perkara yang disebut di atas, menurut para ulama, disunatkan juga berwudhu' kerana perkara-perkara berikut:

- Berwudhu' semasa berasa takut, kerana wudhu' boleh menghilangkan ketakutan.
- Berwudhu' kerana merasa sedih.
- Berwudhu' kerana hendak wuquf di 'Arafah serta kerana hendak mengerjakan sa'i.
- Berwudhu' kerana hendak melaungkan azan atau iqamah.
- Berwudhu' kerana hendak

menziarahi kubur para nabi.

vi. Berwudhu' kerana hendak menziarahi kubur selain para nabi, sekalipun bukan kubur orang-orang shalih.

vii. Berwudhu' kerana hendak membaca khutbah selain khutbah Jumaat.

viii. Berwudhu' selepas jima'.

ix. Berwudhu' selepas menedklamasikan sya'ir dari jenis yang diharamkan.

x. Berwudhu' selepas ketawa secara keterlaluan.

xi. Berwudhu' selepas memotong misai, mencukur bulu ari-ari dan rambut kepala.

xii. Berwudhu' kerana mengharungi atau melayari laut.

xiii. Berwudhu' selepas menyentuh berhala.

xiv. Berwudhu' selepas menyentuh orang yang menghidap penyakit kusta.

Adapun niat wudhu' bagi perkara-perkara di atas adalah sama dengan niat wudhu' sepertimana biasa, iaitu dengan niat mengangkat hadas kecil atau dengan niat menunaikan fardhu wudhu' atau sebagainya.

Asy-Syaikh Sa'id bin Muhammad Ba 'Ali Ba 'Isyn *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya Busyra al-Karim:

Ertinya: Dan dia berniat dengannya pada kesemua ini (dengan niat untuk) mengangkat hadats, atau (menunaikan) fardhu wudhu' atau yang selainnya daripada niat-niat yang diiktiraf dalam wudhu'.

Demikian penjelasan mengenai perkara-perkara yang disunatkan padanya berwudhu'.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولأن قوسه دعوه اسلاميه

TELAH menjadi kebiasaan masa kini untuk menyebarkan berita melalui saluran media tanpa mengetahui kebenarannya. Seperti sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan manusia untuk menyampaikan dan menerima sesuatu berita yang didengar dan dilihat tanpa menyelidikinya terlebih dahulu. Sikap inilah yang sudah sekian lama menular menjadi seakan penyakit dalam masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan juga kaum.

Sesungguhnya Al-Quran telah mengajarkan kita untuk menyelidiki sebelum mempercayai segala berita yang diterima supaya tidak menjadi umpatan mahupun bahan fitnah dan tidak bersubahat dalam melakukan dosa

Selidik sebelum sebar

besar itu.

Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al-Qalam, ayat 10 hingga 11 yang mafhumnya :

"Dan janganlah engkau menurut kemahuan setiap orang yang banyak bersumpah lagi suka menghina. Yang suka mencaci lagi suka menyebarkan fitnah".

Ayat tersebut telah menjadi dalil di dalam Al-Quran yang melarang kita untuk mempercayai dan menerima segala kata-kata yang disampaikan tanpa usul periksa. Seperti yang disebutkan di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Hujuraat, ayat 6, Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman yang mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa suatu berita maka selidikilah kebenarannya (kerana dikhuatiri) kamu akan menimpakan kepada suatu kaum (perkara yang tidak diingini) dengan sebab

kejahilan kamu sehingga menyebabkan kamu menyesal atas apa yang kamu telah lakukan".

Kebanyakan orang menganggap jika mereka menyampaikan berita yang didengarinya, maka dia tidak bersalah dan tidak menanggung apa-apa dosa kerana hanya menjadi pendengar. Tetapi hakikat sebenarnya, dosa tersebut bukanlah hanya ditanggung oleh pencipta fitnah atau berita tersebut. Dosanya merangkumi mereka yang turut sama menyampaikan berita tersebut kepada orang lain tidak kira sama ada berita itu benar atau palsu.

Seandainya kita menerima berita dari seseorang, kita hendaklah jangan mudah percaya pada si pembawa berita kerana boleh sahaja berita itu merupakan fitnah yang telah dihapuskan kebenarannya ataupun ditokok tambah hingga terjadinya fitnah. Sebagai pendengar seharusnya kita menegur,

melarang dan menasihati si pembawa berita jika meyakini berita itu adalah palsu atau tidak mengetahui kebenaran berita yang disampaikan agar kita terlepas daripada dosa bersubahat dengan si pembawa berita.

Sesungguhnya fitnah itu adalah perkara yang sangat keji dan sememangnya dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu sebagai makhluk Allah Subhanahu Wata'ala yang beriman kepada-Nya, kita hendaklah sentiasa bersangka baik kepada sesama manusia dan janganlah turut sama menyebarkan keburukan yang didengar meskipun benar.

Selidikilah setiap sesuatu berita yang didengar untuk memastikannya benar, tepat dan diperolehi daripada sumber yang sah serta boleh dipercayai. Jauhilah fitnah kerana fitnahlah hubungan kekeluargaan yang retak menjadi belah, hubungan persahabatan bertukar permusuhan dan pasangan suami isteri bercerai-berai. Jadilah penerima maklumat yang bijak dan penyebar yang bijak dengan menyebarkan manfaat dan bukannya mudarat.

BANTU KESAN YANI



YANI binti Karto Andir, nombor pasport E5215502 dilaporkan lari daripada majikan.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei**

BERAKAS, Selasa, 13 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja warganegara asing yang dilaporkan lari daripada majikan.

Menurut kenyataan berkenaan, pekerja tersebut ialah warganegara Indonesia, iaitu Yani binti Karto Andir, dengan nombor pasport E5215502.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Berakas menerusi talian +673 2330410 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau di mana-mana balai polis berdekatan.

Gagal patuhi cukai pendapatan : 10 syarikat tempatan didenda

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Februari. - Sebanyak 10 syarikat tempatan telah diarahkan untuk membayar denda di Mahkamah Majistret kerana gagal mematuhi Seksyen 52(1) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggaj 35) iaitu gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi tiap-tiap Tahun Kewangan.

Antara syarikat-syarikat tersebut ialah Elmar General Contractor Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2016, 2017, 2018, 2019 dan 2020; Waqi Sdn. Bhd., Prodera Tiles (B) Sdn. Bhd. dan Vstana Jewellery & Fashion Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2015, 2016, 2017, 2018 dan 2019; Infosys (B) Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND4,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2016, 2017, 2018 dan 2019; Altco Jaya Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND3,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan 2019.

Sementara itu, Sabli Beverages Industries Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND3,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2017, 2018 dan 2019; MC Brumby Beverage Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND2,500 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2019; Sunshine School Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND2,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan 2019 dan Hj Uthman Complex Management Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND1,000 kerana gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Sejumlah 26 syarikat tempatan telah pun didenda di Mahkamah Majistret pada tahun 2023 masing-masing kerana gagal mematuhi Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggaj 35) iaitu gagal untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan Tahun Kewangan berkenaan.

Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memberi peringatan bahawa syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, Penggal 39 adalah dikehendaki untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan masing-masing selewat-lewatnya pada 30 Jun bagi Tahun Taksiran yang berkenaan seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 52(1) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggaj 35).

Jika sabit bersalah kerana gagal menghadapkannya, di samping dikehendaki untuk membayar denda yang dikenakan oleh Mahkamah, syarikat terbabit juga dikehendaki untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan yang tertunggak dan membayar Cukai Pendapatan yang tertunggak serta penalti yang dikenakan iaitu maksimum 17 peratus daripada jumlah Cukai yang tertunggak, jika ada.

Kenali Bahasa Brunei

Nuhun bermaksud

1 rumah.

Contoh pemakaian kata : ada urang di nuhun?

2 minta izin untuk meninggalkan sesuatu tempat.

Contoh pemakaian kata : nuhun kami daulu, kan ka panggilan kami lagi ni.

3 meninggalkan sesuatu tempat, berangkat, atau bertolak.

Contoh pemakaian kata : pukul 6.00 pagi udah tia nuhun dari rumahnya.

4 kiasan yang bermaksud meninggal dunia.

Contoh pemakaian kata : Dui, rupanya nuhun ia udah.

Cakap bermaksud **sampai hati**.

Contoh pemakaian kata : cakap jua kau inda mengagakan anakku, padahal sikulahnya atu palintasanmu.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Penyaram Kampung Batang Tuau

Foto : Azmah Haji Ahad

BAHAN-BAHAN :

3 cawan tepung beras
3 cawan tepung gandum
1 1/2 cawan gula pasir
1 cawan gula apong
3 1/2 cawan air
Minyak untuk menggoreng

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Campurkan tepung beras dan tepung gandum. Kemudian campurkan kedua-dua jenis gula tadi ke dalam aduan tepung dan kacau rata-rata. Setelah itu barulah campurkan air

ke dalam aduan itu. Kemudian simpan aduan itu ke dalam bekas kira-kira dua jam. Panaskan minyak dengan api yang perlahan dan barulah menggoreng dengan mengikut sukatan masing-masing.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَتَمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ.

وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي

كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ

وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعث بسر كقد قععملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Kedua

Kes No.
BCY / CP / 132 / 2016

Nama Penghutang : Haji Shahrul
Bahrin bin Haji Jaya (BYIC No.:
00-269113). **Alamat -** No. 3,
Simpang 78, Kg. Kiulap, Negara
Brunei Darussalam. **Mahkamah**
- Mahkamah Besar, Negara
Brunei Darussalam. **Nombor -**
Kebankrapan No. 132 Tahun 2016.

Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit – 47 sen. **Pertama atau**
terakhir selainnya – Kedua. **Bila**
Kena Dibayar – 2 Januari 2024.
Di mana Kena Bayar – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
30 Disember 2023

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Ketiga

Kes No.
BCY / CP / 85 / 2011

Nama Penghutang : Haji
Kamaruzaman bin Haji Yahya
(BYIC No.: 00-121638).
Alamat – Duratu'Alam, No. 4,
Simpang 236-42, Kg. Birau,
Jalan Lamunin Tutong, Negara
Brunei Darussalam. **Mahkamah**
- Mahkamah Besar, Negara
Brunei Darussalam. **Nombor -**
Kebankrapan No. 85 Tahun 2011.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu

ringgit – 46 sen. **Pertama atau**
terakhir selainnya – Ketiga. **Bila**
Kena Dibayar – 2 Januari 2024.
Di mana Kena Bayar – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
30 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 49 / 2013

Baiduri Bank Sendirian Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyan

Abdul Razak bin Ibrahim
(00-281473)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang

yang berikut pada
13 Januari 2024.

Nama dan alamat Bankrap:
Abdul Razak bin Ibrahim
No. 24, Simpang 46, Jalan Teripas,
RPN Kampung Panaga,
Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
29 November 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperoleh di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Tarikh :
15 Januari 2024

Kes No.
BCY / CP / 226 / 2008

BIBD AT-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyan

Hamid bin Kula (00-124109)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang dibuat
terhadap Penghutang berikut pada
5 Disember 2009 telah dibatalkan
pada 20 Januari 2024.

Nama Penghutang :
Hamid bin Kula

Alamat Penghutang :
No. 8, Simpang 85, Jalan Takiding,
STKRJ Perpindahan
Kampung Lugu,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
24 Januari 2024

Nuuror-Raheebah
binti Haji Abd Wahab
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



1. UNISSA / SB0076 / 2023 / 2024
– TO RENEW, MAINTENANCE
AND SUPPORT LICENSE FOR
FIREWALL FG601E
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

2. UNISSA / SB0077 / 2023 / 2024
– TO SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION,
CONFIGURATION, TESTING
AND COMMISSIONING
OF P.A. SYSTEM
(SMART COMPUTER LAB) FOR
GADONG CAMPUS UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

3. UNISSA / SB0078 / 2023 / 2024
– TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL
AND CONFIGURATION OF ICT

EQUIPMENT FOR INTEGRATED
RESEARCH AND INNOVATION
MANAGEMENT SYSTEM
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

4. UNISSA / SB0079 / 2023 / 2024
– TO SUPPLY AND DELIVER T18
DIGITAL HOMOGENISER
FOR UNISSA RESEARCH
GRANT TITLED
“EVALUATING FERMENTED
COFFEE WASTE WITH WATER
SPINACH AS A SUSTAINABLE
PROTEIN SUPPLEMENT
FOR THE CULTURE OF TILAPIA,
OREOCHROMIS SPECIES”

5. UNISSA / SB0080 / 2023 / 2024
– TO SUPPLY, DELIVER AND
INSTALL INCLUDING PLUMBING
WORKS OF CENTRAL
AERATION & FLOWING
CHANNEL AT FACULTY OF
AGRICULTURE, UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

6. UNISSA / SB0081 / 2023 / 2024
– TO SUPPLY, DELIVER AND
INSTALL INCLUDING PLUMBING
WORKS OF SAND FILTER
FOR WATER TREATMENT
WITH BACKWASH FACILITY AT



FACULTY OF AGRICULTURE,
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

7. UNISSA / SB0082 / 2023 / 2024
– TO SUPPLY, DELIVER AND
INSTALL INCLUDING PLUMBING
WORKS OF AQUARIUM WITH
STAND AT FACULTY OF
AGRICULTURE, UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
28 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



Kenyataan Tawaran
Jabatan Kerja Raya

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
III, IV & V

Kategori :
E01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :
27 Februari 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup :
12 Mac 2024 (Selasa)



Tidak Lewat Dari Jam : 2.00
Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 03 / 2024

Nama Projek :
Penggantian Sistem Lampu
Termasuk Kerja-Kerja Pendawaian
Di Kawasan Perkarangan Masjid
Sultan Omar Ali Saifuddin,
Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



Tajuk Tawaran :

Landscape Maintenance at Ministry
Of Finance And Economy Building
For A Period Of 36 Months,
Commonwealth Drive,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
MOFE / UPAH / T / 2024 - 1

Yuran Tawaran / Dokumen :
BND30.00 bagi yuran tawaran
BND5.00 bagi yuran e-dokumen
(Jika pihak penender memerlukan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 20 Februari 2024.



Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / PSPP / 2024

Tajuk Tawaran :
“Membekal Dan Menjahit
Pakaian Seragam
Pembantu Pejabat Lelaki
dan Perempuan”



Di Kementerian-Kementerian dan
Jabatan-Jabatan Kerajaan”

Bayaran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Februari 2024.



Tajuk Tawaran
Kontrak Bermusim Bagi Kerja-
Kerja Pembersihan Bangunan
(Cleaning Service)
Bangunan-Bangunan Di Bawah

Kawalan Jabatan Penerbangan
Awam Bagi Tempoh 24 Bulan
(2 Tahun)

AME / 2024-2025 / SH-06
(kelas I dan II)

Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran :
14 Februari 2024, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
27 Februari 2024,
Selasa.



Jabatan Daerah Temburong

Bilangan Sebut Harga :
JDT / S / 53 / 2023 - 2024

Nama Sebut Harga :
“Sebut harga Bagi Menyediakan,
Menyewakan Khemah
Serta Pengurusan dan
Pengendalian Gerai Ramadan
Tahun 2024”

Tarikh Tutup Tawaran :
28 Februari 2024,
Rabu.
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Tarikh Tutup Sebut Harga :
Isnin,
16 Syaaban 1445 bersamaan
26 Februari 2024.





جوالن سالىنن كمببر ٢ دىكىتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنترین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam sambui dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

PEKERJA ASING DISIASAT GUNA PAS LAWATAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



SATU operasi penguatkuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 menyasarkan kepada sebuah kedai runcit di Mukim KB.

BELAIT, Selasa, 13 Februari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Cawangan Kuala Belait (KB) melaksanakan satu operasi penguatkuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang menyasarkan kepada sebuah kedai runcit di Mukim KB.

Dalam operasi berkenaan, pemeriksaan telah pun dilaksanakan kepada lima warga asing.

Salah seorang daripadanya telah

pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Bagi maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk menghubungi talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (KB).



Authority for
Info-communications
Technology
Industry of Brunei Darussalam

The Authority for Info-communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI) invites eligible vendors to participate in the following projects:

INVITATION TO TENDER

Provision of TechInspire Apprenticeship Programme 2024

Reference AITI/8/1/ID_TechInspire

Closing Date Thursday, 22 February 2024 at 3:00pm

Document Fee (non-refundable) BND 100.00

Tender Deposit (refundable) BND 100.00

REQUEST FOR INFORMATION

Facilitation of Capacity Building Programme on Digital Content Creation (2024 – 2025)

Reference AITI/8/4/ID-DigitalContentCreation

Closing Date Monday, 19 February 2024 at 3:00pm

Visit aiti.gov.bn/tenders-and-quotations to view the executive summary.

This advertisement does not constitute an offer from AITI and is subject to the terms and conditions contained in the Invitation to Tender (ITT) and Request for Information (RFI). AITI reserves the right to cancel this ITT and RFI at its sole discretion. In these circumstances, AITI shall not be liable for any cost incurred in participating in this ITT and RFI.

Dihukum penjara 4 tahun 8 bulan akibat mencuri



■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Februari. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman penjara empat tahun lapan bulan terhadap seorang lelaki tempatan atas kesalahan mencuri.

Defendan, Abdul Muezz bin Haji Wahab mengaku bersalah di hadapan Majistret Nur Sariy Syahmina binti Haji Jaffri atas 10 pertuduhan mencuri kereta.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Hidayatul Aeny Alisah binti Haji Zullizam mendedahkan di mahkamah bahawa defendan mula-mula mencuri kenderaan di sekitar Bangunan Kompleks Gadong, Simpang 92, Jalan Gadong dan melihat sebuah Suzuki Vitara yang diletakkan di tingkat bawah tanah kompleks berkenaan. Defendan menyedari Suzuki Vitara berkenaan model lama dan mudah dibuka dengan kunci yang telah diubah suainya.

Defendan kemudiannya memandu kenderaan berkenaan ke Hotel Jeruton, Jerudong dengan niat menukar plat asal kenderaan berkenaan dan apabila tiba di Hotel Jeruton, defendan mencari plat baharu untuk menggantikan plat asal kenderaan berkenaan.

Bagaimanapun, defendan tidak menemui sebarang plat dan terus menutup plat asal kenderaan berkenaan dengan kain dan meninggalkan kenderaan berkenaan.

Beberapa hari kemudian, defendan kembali semula untuk mengambil semula kenderaan berkenaan dan memandunya ke Kampung Sengkurong dan menggantikan plat lesen dari kenderaan lain.

Manakala, pada 8 September 2021 dan 9 September 2021, defendan dan rakannya pergi ke sekitar Kampung Menglait dengan niat untuk mencuri. Defendan dan rakannya berjalan ke sebuah flat beralamat di Bangunan Fung Fock Choon, Kampung Menglait, Jalan Gadong.

Kedua-duanya naik ke tingkat satu flat berkenaan dan terlihat kunci tergantung di pintu lalu mengambilnya dan kemudian pergi ke sebuah kenderaan yang terletak di letak kereta bangunan berkenaan.

Defendan menyalakan enjin Proton Exora dan memandu ke sekitar Sungai Kebun, Kampung Lumapas dan Kampung Jerudong bersama-sama dengan rakannya untuk mencari plat lesen lain bagi menggantikan plat asal kenderaan berkenaan.

Beberapa hari kemudian, defendan bersama rakannya pergi ke Daerah Tutong menggunakan kenderaan berkenaan dan pada waktu malam, mereka mengambil plat lesen dari sebuah kenderaan Suzuki Ertiga dan memasangnya ke Proton Exora.

Keesokan harinya, defendan menggunakan Proton Exora berkenaan dan mengalami kerosakan. Defendan kemudian menghantar kenderaan berkenaan ke rumah rakannya di Kampung Lambak Kanan untuk dibaiki.

Pada Julai 2021, defendan menerima panggilan telefon daripada rakannya, Ham dan memaklumkan bahawa beliau ingin menjual sebuah kenderaan Vios dengan nilai harga 1.5 gram methamphetamine.

Defendan bersetuju dan mereka bertemu di Bilik Pameran Volkswagon, Kampung Beribi dan kemudiannya menyerahkan Toyota Vios yang juga merupakan salah sebuah kenderaan curi kepada defendan dengan pertukaran nilai harga 1.5 gram methamphetamine.

Defendan menggunakan Toyota Vios berkenaan selama sebulan sehingga ia mengalami kerosakan dan kemudian menjualnya kepada rakannya, Danan dengan harga BND200.

Antara 31 Ogos dan 1 September 2021, defendan bersama Ham pergi ke tempat letak kereta Soon Lee, Sea View, Jalan Maulana, Kuala Belait, dan terlihat sebuah Nissan Sunny.

Defendan berjaya membuka kunci Nissan Sunny berkenaan dengan menggunakan kunci yang diubah suai dan seterusnya menghidupkan enjinnya lalu memandunya ke Bandar Seri Begawan.

Defendan menggunakan kenderaan berkenaan selama dua minggu sehingga ia mengalami kerosakan dan meninggalkannya di Kampung Jerudong.

Antara 15 Januari dan 16 Januari 2024, defendan dihantar oleh teman wanitanya ke Kompleks Seri Purnama Building, Kiulap dan defendan berjalan ke ruang bawah tanah tempat letak kereta bangunan berkenaan dan terlihat sebuah Nissan Sunny.

Defendan terus menggunakan kunci yang diubah suai dan berjaya membuka pintunya lalu menghidupkan enjinnya. Semasa defendan dalam perjalanan ke rumah teman wanitanya menggunakan kenderaan berkenaan, defendan mengalami kemalangan.

Oleh kerana kenderaan berkenaan mengalami kerosakan, dia terus menjualnya kepada rakannya, dengan harga BND150.

Pada 23 Januari 2024, defendan berjalan-jalan di sekitar Kiulap, menuju ke ruang bawah tanah tempat letak kereta di Kompleks Impiana Jaya, Kiulap. Defendan ternampak sebuah Toyota Corolla dan terus menggunakan kunci yang diubah suai dan berjaya membukanya lalu menghidupkan enjinnya.

Selepas itu, defendan memandu kenderaan berkenaan sehingga kehabisan minyak dan meninggalkannya di sekitar Ban 6, Kampung Mulaut dan kemudian berjalan kaki ke Beribi.

Pada 24 Januari 2024, defendan sedang berjalan menuju ke ruang bawah tanah tempat letak kereta di The Walk, Beribi. Defendan ternampak sebuah Nissan Persea lalu membuka pintunya dan menghidupkan enjinnya.

Selepas itu, defendan memandu Nissan Persea berkenaan ke Kampong Ayer lalu mengambil pembesar suara di dalam kenderaan berkenaan dan kemudian memandunya ke tempat letak kereta di Kampung Tamoi dan meninggalkan kenderaan berkenaan.

Kesemua pemilik kenderaan membuat laporan kepada polis apabila mendapati kenderaan mereka hilang dan hasil daripada siasatan telah membawa kepada perbuatan defendan hingga akhirnya berjaya ditangkap.

TINGKAT KESEDARAN, TANGGUNGJAWAB PULIHARA ALAM SEKITAR

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Jabatan Penerangan



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Februari. - Sejak kebelakangan ini, pembangunan yang berkembang pesat sedang berlaku di seluruh dunia pada ketika era globalisasi ini.

Akan tetapi, kemajuan dalam sektor perindustrian telah dikecapi hari ini sedikit tercalar akibat sikap manusia yang tidak

bertanggungjawab dengan mencemarkan alam sekitar.

Alam sekitar yang bersih penting dalam kehidupan kita dan langkah-langkah yang positif perlu dilakukan.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), pelbagai usaha dijalankan oleh pihak kerajaan dalam menjaga alam sekitar terutama melalui

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan.

Usaha murni itu juga mendapat sokongan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat awam umumnya.

Pelaksanaan amalan inisiatif hijau seperti tidak menggunakan plastik, mengurangkan penggunaan tenaga, menjimatkan elektrik dan sebagainya dilihat sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengekalkan keseimbangan dan keharmonian alam sekitar.

Sejak 1 Januari 2019, NBD telah mencatatkan satu pencapaian membanggakan apabila berjaya melaksanakan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik di kedai-kedai dan gedung-gedung perniagaan yang ikut serta.

Usaha-usaha untuk mengurangkan penggunaan plastik turut disemai melalui seruan dan saranan kepada orang ramai agar menggunakan botol minuman sendiri, membawa bekas makanan dari rumah, menggunakan penyedut minuman mesra alam dan sebagainya.

Sementara itu, pihak-pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) termasuk pihak sukarelawan turut sama membantu usaha murni kerajaan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk kempen-kempen kebersihan pantai dan sungai serta kempen kitar semula dalam sama-sama memulihara alam

sekitar di negara ini.

Dalam pada itu, kaedah inisiatif 'Reuse, Reduce & Recycle' (3R) bertujuan bagi memupuk kesedaran orang ramai untuk mengamalkan kaedah kitar semula secara bersih dan sihat, demi menjaga kebersihan, kesuburan dan keindahan alam sekitar di negara kita yang tercinta ini.

Usaha kitar semula ini setentunya dapat mengurangkan sampah awam di kawasan yang semakin padat dengan penduduk, malah ia juga merupakan satu cara untuk pengurusan sampah yang betul, di mana antara bahan yang boleh dikitar semula adalah termasuk seperti jenis kaca, kertas, logam, plastik, tekstil dan elektronik.

Melalui kitar semula ini dapat mengurangkan bahan buangan, mengurangkan penggunaan bahan mentah baharu, mengurangkan penggunaan tenaga, mengurangkan pencemaran udara (daripada

pembakaran), pencemaran air (daripada tapak pelupusan) dan mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau (*greenhouse gas emission*) berbanding penghasilan barang baharu daripada bahan mentah.

Langkah untuk melindungi alam sekitar ini bukanlah tanggungjawab pihak kerajaan sahaja kerana ia adalah tanggungjawab semua pihak dalam memainkan peranan penting bagi sama-sama menangani masalah pencemaran.

Untuk mengekalkan persekitaran yang bersih, usaha berterusan memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat.

Oleh itu, kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar haruslah wujud dalam diri setiap individu demi kelestarian alam sekitar.

Ke arah itu, marilah kita sama-sama bergabung melindungi alam sekitar demi kesinambungan generasi pewaris akan datang.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

RIADAH, SANTAI BERSAMA KELUARGA



PARA pengunjung memilih pantai sebagai tempat untuk melapangkan fikiran sambil menghirup udara yang segar, salah satu pantai pilihan adalah Pantai Persiaran Pengkalan Pinang (atas dan kanan).

Berita dan Foto : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Isnin, 12 Februari. - Para pengunjung memilih pantai sebagai tempat untuk melapangkan fikiran sambil menghirup udara yang segar. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan hubungan kasih sayang yang erat bersama keluarga tersayang.

Terletak di Kampung Penanjong, Pantai Persiaran Pengkalan Pinang merupakan sebuah pantai yang

mampu memberikan ketenangan, beriadah dan banyak lagi aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan.

Keindahan dan kemudahan yang terdapat di pantai berkenaan mampu menarik perhatian para pengunjung dari daerah ini mahupun dari daerah lain terutama sekali pada cuti hujung minggu dan hari kelepasan awam untuk melakukan aktiviti riadah seperti

berkelah dan mengadakan kegiatan santai bersama keluarga dan sahabat handai.

Dalam kesempatan ini, Pelita Brunei membuat tinjauan ke pantai berkenaan dan mendapati beberapa buah keluarga mengadakan aktiviti riadah dan acara kekeluargaan.

Menurut salah seorang pengunjung tempat berkenaan yang hanya ingin dikenali sebagai Awang Muhd. Wez dari Kampung Sengkarai menjelaskan bahawa

beliau membawa ahli keluarganya untuk berkelah bersama keluarga bagi mengisi masa lapang. Di pantai katanya, fikiran akan terasa tenang memandangkan suasananya yang amat santai dan harmonis.

"Anak-anak berasa seronok apabila saya membawa mereka ke pantai hari ini memandangkan esok mereka kembali sekolah setelah cuti awam selama dua hari disambung pula cuti pada Jumaat dan Ahad. Di pantai ini, anak-anak bermain di

tepi pantai sambil diawasi oleh saya. Setelah puas bermain kami terus berehat di pondok sambil menikmati jamuan makanan dan minuman yang dibekalkan dari rumah," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, beliau juga turut mengingatkan kepada ahli keluarganya untuk sentiasa menjaga kebersihan pantai dan membuang sampah di tempat yang disediakan agar kebersihan pantai sentiasa terjaga.



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2 Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.



1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

100%

2 **Lengkapkan Kelulusan**
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

A+

3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan



4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"



5 **Lengkapkan Maklumat**
(kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



Bagi Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial
PSC.BN



Program Balai Talaqqi diperkenal di UNISSA

Oleh dan Foto : Mohammad Aziz Aszreen Shah Haji Mohd. Zain
Pelajar Tahun 1 Fakulti Usuluddin (Pengurus Program)

Sesi pembelajaran Daurah Aqidah

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menganjurkan sebuah program pengajian tidak formal yang bertujuan untuk melahirkan pakar-pakar di dalam pelbagai disiplin ilmu Islam yang mencontohi sistem para ulama Islam iaitu sistem pengajian talaqqi. Di samping itu, program ini juga dihasratkan untuk menghidupkan kembali sistem pembelajaran yang telah diwarisi sejak zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, tabi'in, dan seterusnya ilmuwan tersohor Islam. Seiring dengan hala tuju dan penubuhan UNISSA untuk melahirkan graduan bertahap ulama, Fakulti Usuluddin terpanggil menanai tanggungjawab meneruskan legasi warisan ulama yang melintasi berbagai zaman dan peradaban melahirkan ilmuwan Islam di masa hadapan. Seterusnya, program

ini adalah usaha dalam memasyarakatkan pembacaan berkenaan kitab turath sebagai teras dan tonggak dalam pengajian Islam. Sebagai langkah permulaan, program talaqqi kitab turath ini dibukakan bermula pada semester 1, 2023/2024 dan diberi nama 'Balai Talaqqi, UNISSA'. Program Balai Talaqqi ini berperanan dalam penganjuran daurah-daurah kitab bagi menyebarkan ilmu pengetahuan dengan membuka peluang kepada mahasiswa/si dan penuntut-penuntut ilmu yang berminat untuk menelaah kitab dari kulit ke kulit, khususnya kitab-kitab turath klasik.

Sesi pembelajaran Daurah Tasawuf

Balai Talaqqi ini adalah komitmen dan usaha UNISSA untuk menghidupkan kembali tradisi pengajian talaqqi dalam berbagai cabang ilmu

di pusat-pusat ilmu.

Program ini dimulakan dengan dua buah daurah kitab iaitu Daurah Kitab Ayuhul Walad yang dikendalikan oleh Dr. Ahmad Baha bin Mokhtar, Penolong Profesor. Sementara Daurah Kitab Al Kharidah Al Bahiyyah yang disampaikan oleh Ustaz Ahmad Ahyad bin Haji Amino. Beliau merupakan alumni UNISSA dan memiliki tauliah MUIB, serta memiliki sanad kitab tersebut secara talaqqi bersanad.

Perancangan jangka panjang Balai Talaqqi, sekurang-kurangnya pelajar yang mengikuti program ini akan dapat khatam lapan buah kitab dalam tempoh empat tahun, dengan kiraan dua buah kitab bagi setiap semester. Di samping itu, pelajar akan diberi latihan dan bimbingan kemahiran untuk mengajar kitab tersebut kepada generasi selepasnya. Dengan cara tersebut pengajian kitab turath akan terus berkembang dengan cepat.

Daurah tasawuf dijadualkan setiap hari

Selasa, bermula dari jam 7.00 hingga 9.00 malam di Kampus UNISSA Sementara itu, Daurah Aqidah pula dijadualkan pada setiap hari Jumaat, pada waktu dan tempat yang sama. Kedua-dua daurah ini dijangkakan akan mengambil masa selama empat bulan iaitu satu semester untuk mengkhataamkan kitab-kitab tersebut.

Program ini dibukakan secara percuma dan terbuka untuk penuntut ilmu yang berminat dari kalangan pelajar, mahasiswa dan orang awam yang berminat.

Program ini juga adalah sebagai tunjang yang akan memperkasa keilmuan para penuntut khususnya yang terlibat secara langsung dalam bidang pengajian Islam. Penguasaan terhadap metode penulisan kitab klasik adalah suatu tuntutan wajar bagi persediaan para intelektual kelahiran institusi pengajian tinggi Islam menangani berbagai isu semasa dan kontemporari di masa depan.





UBD Capai matlamat pembangunan mampan

Terjemahan : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Sumber : Siaran Akhbar Universiti Brunei Darussalam

Foto : Jabatan Penerangan, Universiti Brunei Darussalam

DALAM komitmen untuk menyokong masa depan yang mampan, Universiti Brunei Darussalam (UBD) juga mengakui peranan penting untuk menyepadukan amalan kemampanan dalam tadbir urus dan operasi hariannya. UBD telah menubuhkan jawatankuasa kemampanan khusus untuk mengawasi pelaksanaan inisiatif kemampanan, memantau kemajuan dan melibatkan pihak berkepentingan di seluruh universiti. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam memastikan kemampanan disepadukan dalam semua aspek operasi UBD, termasuk yang berkaitan dengan kampus dan perkhidmatan sokongan, kemudahan, perolehan dan amalan pentadbiran.

UBD kekal teguh dalam dedikasinya untuk bekerjasama dengan komuniti tempatan untuk menangani cabaran dan aspirasi kemampanan bersama. Melalui perkongsian pengetahuan dan program pembinaan kapasiti, UBD berusaha untuk melengkapkan ahli komuniti dengan maklumat yang boleh memacu perubahan positif, menggalakkan penggunaan amalan mampan dalam kedua-dua bidang peribadi dan profesional. Dengan memupuk komunikasi terbuka dan memupuk penyertaan aktif, UBD berusaha untuk memupuk komuniti yang mampan

dan berdaya tahan yang melampaui sempadan kampusnya. Program Discovery Year UBD, yang sebahagiannya melibatkan membantu individu yang kurang bernasib baik, memberikan bukti besar kepada komitmen universiti terhadap kesejahteraan masyarakat.

Usaha pengantarabangsa UBD telah melonjakkan institusi ke peringkat global. Ia telah mencapai kemajuan besar dalam memupuk kerjasama antarabangsa, menarik badan pelajar yang pelbagai, dan mempromosikan penyelidikan dan perkongsian akademik di seluruh dunia. Ini bukan sahaja telah memperkayakan persekitaran akademik tetapi juga telah melengkapkan pelajar dan fakulti dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berkembang maju dalam dunia yang semakin global.

Perkongsian strategik dengan universiti dan institusi terkenal di seluruh dunia memudahkan pertukaran pelajar dan fakulti, Program Dwi Ijazah, penyelidikan PhD bersama, projek penyelidikan bersama, dan perkongsian amalan terbaik. Sementara itu, biasiswa dan program pertukaran telah menghasilkan peningkatan yang berterusan dalam bilangan pelajar antarabangsa yang memilih UBD sebagai destinasi mereka

untuk pengajian tinggi. Kehadiran pelajar antarabangsa bukan sahaja menyumbang kepada kepelbagaian budaya di kampus tetapi juga menggalakkan dialog antara budaya dan saling menghormati dalam kalangan pelajar dari pelbagai latar belakang. Kepelbagaian ini telah meningkatkan pengalaman pembelajaran untuk semua pelajar, memupuk pemahaman silang budaya dan menyediakan mereka untuk berkembang maju dalam dunia yang semakin saling berkaitan dengan minda kecekapan global. Program Penemuan Global jangka pendek (The short-term Global Discovery Programme - GDP) ialah inisiatif yang menyediakan pelajar masuk dengan pengalaman pembelajaran yang tidak ternilai, melengkapkan mereka dengan kecekapan silang budaya, dan juga memupuk kemahiran penting seperti pertumbuhan peribadi, berdikari dan kebolehsuaian.

Selaras dengan matlamat UBD untuk menjadi 'Universiti Inovasi dan Perusahaan', ia telah secara aktif mengusahakan dan memupuk budaya inovasi di kampus. Dengan pendidikan dan pembangunan keusahawanan melalui UBD Entrepreneurship Village (EV), UBD Startup Centre (USC), dan kerjasama dengan Pejabat Harta Intelek Brunei (BruIPO) dan Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO), UBD terus melakukan transformasi, mengejar pengetahuan, dan menghasilkan inovasi berkesan yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah dunia sebenar.

Inisiatif dan usaha berterusan UBD bukan

sahaja telah meningkatkan kehidupan pelajar, graduan dan alumninya bersama masyarakat, tetapi juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. Sehingga kini, UBD berada dalam kumpulan 401- 500 dalam Kedudukan Universiti Dunia Times Higher Education (THE). Ia juga berada di kedudukan Ke-68 dalam THE Young University Rankings. Sementara itu, ia mendapat tempat Ke-60 dalam THE Asia University Rankings, menduduki tempat Ke-5 dalam kalangan institusi yang dihormati di Asia Tenggara. Selain meletakkan dalam kedudukan mata pelajaran untuk Kejuruteraan, Sains Fizikal, Sains Sosial, Perniagaan dan Ekonomi, UBD baru-baru ini menambah kedudukan 301 - 400 untuk Pendidikan.

Antara 1,500 institusi di seluruh dunia, Kedudukan Universiti Dunia Quacquarelli Symonds (QS) meletakkan UBD di tempat Ke-387. Di rantau Asia, ia berada di kedudukan Ke-72. Sejak pertama kali mencecah Kedudukan Kelestarian QS tahun lepas, UBD kini berada di tempat Ke-629.

Inisiatif UBD hanya boleh dijayakan dengan usaha bersepadu kakitangan dan pelajarannya, kerjasama padu dengan rakan akademik dan industri, serta sokongan berterusan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.





BEKAS PM FINLAND MENANG PILIHAN RAYA PRESIDEN

LONDON, 12 Feb. - Bekas Perdana Menteri Finland, Alexander Stubb dipilih menjadi presiden ke-13 negara Nordik itu selepas mengalahkan bekas Menteri Luar,

Pekka Haavisto dalam pilihan raya penentu pada Ahad. Stubb, dari parti konservatif National Coalition, memperoleh 51.6 peratus undi manakala

Haavisto dari parti Green menerima 48.4 peratus undi, lapor Agensi Anadolu, memetik media tempatan. "Saya akan melakukan yang terbaik pada setiap hari dan mengutamakan kepentingan Finland. Saya mahu menjadi presiden bagi seluruh negara,"

katanya dalam satu sidang media. Stubb akan menggantikan Presiden Sauli Niinisto yang telah tamat dua penggal selama enam tahun dan tidak dibenarkan untuk bertanding semula. - ©BERNAMA

ADD KE-7 : Malaysia sertai 15 negara dalam rundingan pasaran buruh berasaskan teknologi

DUBAI, 12 Feb. - Wakil Kementerian Sumber Manusia Malaysia adalah antara peserta dari 15 negara Asia dalam mesyuarat Perundingan Menteri Dialog Abu Dhabi (ADD) ke-7, yang diadakan sebagai sebahagian daripada World Government Summit 2024 (WGS 2024) di sini pada Ahad.

Dialog itu memberi tumpuan kepada memanfaatkan teknologi canggih untuk inisiatif inovatif yang bertujuan mengawal selia pasaran buruh dan meningkatkan perlindungan pekerja.

Dalam edisi ADD kali ini, sembilan negara yang mengambil bahagian, termasuk Bangladesh, India, Indonesia, Nepal, Pakistan, Filipina, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam, dikenali kerana menghantar pekerja ke luar negara.

Sebaliknya, tujuh negara seperti Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Oman, Kuwait, Qatar, Arab Saudi dan Malaysia merupakan destinasi bagi pekerja-pekerja ini mendapatkan pekerjaan dan menyumbang kepada ekonomi tempatan.

Menteri Sumber Manusia UAE Dr

Abdulrahman Al Awar menyatakan kepentingan ADD sebagai platform penting yang memberi tumpuan kepada mobiliti buruh di rantau berkenaan.

Beliau menekankan peranan mesyuarat itu dalam menangani cabaran masa depan dalam pasaran buruh di seluruh Asia-Pasifik.

"Pasaran buruh sedang mengalami transformasi ekonomi dan sosial yang besar, bersama-sama dengan perubahan struktur yang meluas yang mempengaruhi sifat kerja dan jenis perniagaan, pekerjaan, dan kemahiran yang diperlukan untuk mengekalkan tahap transformasi global, terutamanya perubahan radikal yang mempengaruhi aspek teras pembangunan ekonomi.

"Ini telah membawa kepada cabaran baru dalam pasaran buruh, memerlukan dasar-dasar yang selari dengan sifat transformasi penting ini," katanya yang dipetik Agensi Berita Emirates (WAM).

Al Awar seterusnya menekankan kepentingan ADD dalam mengukuhkan perkongsian dan menggariskan keutamaan masa

depan untuk kerjasama dalam kalangan negara-negara anggota.

"UAE komited untuk membentuk perkongsian melalui Dialog Abu Dhabi dan bekerjasama dengan organisasi antarabangsa untuk memajukan perlindungan dan keadilan sosial," katanya.

Semasa ADD, empat sesi diadakan yang memberi tumpuan kepada peranan teknologi dalam pengawalseliaan pasaran buruh, antara lain bagaimana teknologi dapat membantu menyelesaikan pertikaian dan mengurus perkhidmatan perbankan bagi majikan.

Sesi lain juga meneroka penggunaan teknologi untuk meningkatkan perlindungan gaji dan maklumat kesihatan untuk pekerja, meningkatkan mobiliti kemahiran di antara negara-negara selain membangunkan perkongsian untuk memenuhi keperluan pasaran buruh yang berubah, serta mempromosikan kesamarataan jantina dalam dasar pekerjaan, terutamanya dalam bidang teknologi dan memastikan layanan yang adil untuk pekerja wanita. - ©BERNAMA

Sembilan keluarga diselamatkan daripada kejadian kepala air di Kapit

KAPIT, 12 Feb. - Sembilan keluarga dari Bintulu yang sedang berkhemah dan bermalam di Sungai Yong, Jalan Bukit Goram, kira-kira 20 kilometer dari Kapit berdepan detik cemas apabila terperangkap dalam kejadian fenomena kepala air malam tadi.

Ketua Bomba Zon Sibu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak Andy Alie berkata Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kapit menerima panggilan kecemasan berkaitan kejadian itu pada 8.32 malam telah menghantar lapan anggota dan logistik ke lokasi bagi menyelamatkan mangsa sebanyak 41 orang itu. Beliau berkata turut bergerak ke lokasi ialah dua anggota polis dan empat anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

"Sampai ke lokasi kejadian didapati benar terdapat sembilan keluarga yang berasal dari Bintulu sedang berkhemah dan bermalam di tebing sungai terbabit. Akibat cuaca hujan, air sungai naik secara tiba-tiba mengakibatkan kepala air yang deras," katanya.

Andy berkata kesemua mangsa kemudian dibantu menyeberangi sungai deras sedalam 1.5 meter dengan menggunakan tali keselamatan dan operasi tamat pada 9.56 malam selepas kesemua mangsa berjaya diselamatkan. - ©BERNAMA

Pemegang rekod dunia maraton, Kelvin Kiptum terbunuh dalam kemalangan kereta

NAIROBI, 12 Feb. - Polis Kenya pada Ahad mengesahkan kematian pemegang rekod dunia maraton Kelvin Kiptum, 24, dan jurulatihnya, Gervais Hakizimana dalam kemalangan jalan raya.

Dalam satu kenyataan, komander polis bagi wilayah Elgeyo Marakwet Peter Mulinge berkata kedua-dua lelaki itu terbunuh dalam kejadian di jalan Eldoret-Kaptagat yang sibuk di barat Kenya, lapor Agensi Anadolu. Walaupun usaha menyelamatkan

dilakukan pasukan kecemasan, Kiptum dan Hakizimana meninggal dunia akibat kecederaan yang dialami mereka.

"Kereta itu dinaiki tiga penumpang. Dua penumpang maut di tempat kejadian manakala penumpang ketiga dibawa ke hospital untuk rawatan," kata Mulinge.

Beliau berkata pihak berkuasa telah melancarkan siasatan untuk mengetahui punca nahas.

Sementara itu, Athletics Kenya menzahirkan kesedihan atas pemergian Kiptum dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga dan seluruh komuniti olahraga.

Kiptum mencekai sejarah dengan memecahkan rekod dunia Eliud Kipchoge dengan menamatkan larian 42 kilometer dengan catatan 2 jam dan 35 saat semasa Chicago Marathon, Oktober lepas. - ©BERNAMA

Malaysia kutuk serangan besar-besaran Israel di Rafah

PUTRAJAYA, 12 Feb. - Malaysia mengecam sekeras-kerasnya serangan besar-besaran Israel di bandar Rafah selatan Gaza di mana orang awam Palestin mendapatkan perlindungan.

Kementerian Luar (Wisma Putra) berkata serangan kejam dan tidak berperikemanusiaan itu akan meningkatkan lagi ketegangan dan malapetaka kemanusiaan yang pasti akan merencatkan segala usaha menghentikan peperangan dan gencatan senjata yang berkekalan.

"Malaysia menuntut Israel menghentikan serangan tersebut dan mematuhi segala peruntukan undang-undang antarabangsa," menurut Wisma Putra dalam kenyataan pada Isnin. Operasi ketenteraan berniat jahat itu jelas menunjukkan matlamat ulung rejim Zionis untuk menghapuskan rakyat Palestin dari tanah air mereka sendiri.

Ia juga jelas memperlihatkan sikap angkuh rejim Zionis membelakangkan prinsip undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan menghina keputusan Mahkamah Jenayah Antarabangsa pada 26 Jan lepas mengenai enam tindakan sementara yang mesti diambil Israel termasuk mencegah pembunuhan beramai-ramai penduduk Gaza.

"Masyarakat antarabangsa tidak boleh membenarkan tindakan sedemikian berlaku secara terang-terangan tanpa sebarang tindakan," menurut Wisma Putra.

Malaysia menyokong seruan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan mendesak Majlis Keselamatan PBB untuk mengambil tindakan berani menghalang malapetaka oleh rejim Zionis dan menekan masyarakat antarabangsa melaksanakan tanggungjawab dan menghentikan sebarang sokongan kepada rejim yang secara terbuka mengabaikan segala usaha untuk meredakan ketegangan.

Wisma Putra berkata Malaysia kekal dengan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap perjuangan Palestin dalam mendapatkan kembali hak mereka, penubuhan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara Palestin dan diterima sebagai anggota penuh PBB.

Agensi Berita Palestin WAFA melaporkan serangan kejam Israel ke atas Rafah pada awal pagi Isnin membunuh lebih 100 orang awam, termasuk kanak-kanak dan wanita, dengan ratusan lagi cedera. Kira-kira 1.4 juta rakyat Palestin kini berada di Rafah selepas tentera Israel memaksa perpindahan beramai-ramai penduduk dari utara ke selatan Gaza. - ©BERNAMA

Johor kekalkan harga tiket zoo paling murah di Malaysia

ISKANDAR PUTERI, 12 Feb. - Kerajaan negeri akan mengekalkan harga tiket kemasukan ke Zoo Johor dengan harga termurah di Malaysia apabila taman haiwan itu dibuka semula kepada orang ramai April ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor Datuk Mohd Jafni Md Shukor berkata pelbagai kemudahan dan infrastruktur sedang dinaik taraf melibatkan kos kira-kira RM7 juta bagi memberi keselesaan kepada pengunjung.

"Sebelum ini harga tiket bagi kanak-kanak adalah RM1 dan dewasa pula RM2. Harga baharu akan diumumkan nanti. Tetapi kita di peringkat kerajaan masih mengekalkan harga tiket masuk paling termurah di Malaysia dan peringkat asia, cuma untuk warga asing akan ada kenaikan harga sedikit.

"Pertambahan haiwan mungkin ada tetapi tidak banyak kerana masih lagi dalam perbincangan. Cuma zoo baharu ini akan nampak lebih selesa, bersih dan tersusun," katanya kepada pemberita selepas mewakili kerajaan negeri menerima sumbangan SWM Environment Sdn

Bhd untuk disalurkan kepada 750 keluarga B40 di Johor.

Sumbangan itu disampaikan oleh Pengurus Besar Korporat SWM Environment Mohd Norlisam Mohd Nordin di Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar di sini hari ini.

Zoo Johor yang terletak di pusat bandar raya Johor Bahru, mula dibuka pada 1928 dan merupakan zoo tertua negara dengan keluasan 12.5 hektar serta mempunyai lebih 100 spesies haiwan.

Dalam perkembangan lain, Mohd Jafni berkata pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini digesa untuk melaksanakan kaedah pengezonan khususnya melibatkan premis perniagaan berbentuk hiburan termasuk spa dan karaoke sekali gus memudahkan pemantauan oleh pihak berkuasa.

"Beberapa tahun lepas di Kulai, kita berdepan satu masalah apabila premis spa beroperasi di kawasan berhampiran perumahan dan kampung-kampung, jadi banyak aduan diterima daripada penduduk.

"Bagi melakukan penambahbaikan, kita laksana

kaedah zoning dengan mengumpulkan premis-premis sedemikian untuk beroperasi di kawasan tertentu. Maksudnya premis spa dan karaoke tidak beroperasi secara bersepadu di kawasan perumahan, kampung-kampung atau berhampiran sekolah," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya telah menggesa kesemua 16 PBT di seluruh Johor untuk memperkasa operasi melibatkan premis perniagaan yang dikendalikan warga asing.

"PBT di Johor tidak pernah mengeluarkan lesen membenarkan warga asing untuk berniaga di negeri ini, malah jika ada warga tempatan yang menggunakan nama mereka untuk membenarkan warga asing berniaga, tindakan batal lesen boleh diambil.

"Perkara ini perlu dilakukan untuk membela peniaga-peniaga kecil tempatan daripada terus mengalami kekurangan perniagaan kerana terpaksa bersaing dengan warga asing yang kebiasaannya menjual pada harga lebih murah," katanya. - ©BERNAMA

CHINA TUMPU KE ARAH INISIATIF PERADABAN GLOBAL



KUALA LUMPUR, 13 Feb. - China terus melaksanakan Inisiatif Peradaban Global (GCI) yang bertujuan mempromosikan tamadun dan memupuk kemesraan antara rakyat dari pelbagai negara, kata Menteri Kedutaan China di Malaysia, Zheng Xuefang.

Beliau berkata negara Tembok Besar itu akan mengeratkan persahabatan, memupuk sikap saling mempercayai dan menumpukan kepentingan dengan jiran mereka serta berganding bahu dengan negara-negara membangun demi menghasilkan lebih banyak pembangunan.

"Dalam mengejar kemajuan sendiri, China turut menghulurkan

tangan kepada komuniti global. Kami membuka pintu lebih luas untuk berkongsi peluang pembangunan dan mengalu-alukan rakan dari seluruh dunia sekali gus menyuntik kestabilan dan tenaga positif yang amat diperlukan kepada dunia," katanya di sini baru-baru ini.

Zheng berkata demikian dalam satu pertemuan dengan media Malaysia baru-baru ini yang terdiri daripada alumni program China Asia Pacific Press Centre (CAPPC) anjuran Pusat Komunikasi Akhbar Antarabangsa China (CIPCC).

GCI memperjuangkan kepelbagaian tamadun, nilai-nilai kemanusiaan, kepentingan warisan dan inovasi tamadun serta

pertukaran dan kerjasama kukuh di antara rakyat.

Diasaskan oleh Presiden Xi Jinping pada Mac tahun lalu, GCI memperjuangkan agar negara-negara mendukung prinsip kesaksamaan, pembelajaran bersama, dialog dan keterangkuman antara tamadun serta membenarkan pertukaran budaya, pembelajaran dan kewujudan bersama.

Dari segi ekonomi, Zheng berkata sebagai pemain penting bagi pembangunan global dan rakan dagangan utama untuk lebih 40 negara, China akan terus berkongsi lebih banyak faedah dengan dunia.

Beliau berkata China telah

membawa kesan positif yang ketara kepada ekonomi dunia, dengan pertumbuhan mantap dan kukuh serta menyumbang kepada kestabilan ekonomi dunia, meningkatkan perdagangan antarabangsa, mengekalkan

rantaian bekalan global dan memerangi inflasi.

"Kami yakin China akan terus mencipta lebih banyak peluang untuk dunia," katanya.

- ©BERNAMA

1 maut, 5 cedera dalam insiden tembakan di New York

NEW YORK, 13 Feb. - Seorang terbunuh manakala lima lagi cedera dalam insiden tembakan di stesen kereta api bawah tanah di Bronx, di sini pada Isnin, menurut polis tempatan, lapor Xinhua.

Insiden itu dipercayai berpunca daripada pertikaian antara

dua kumpulan remaja yang menggunakan pengangkutan berkenaan.

Menurut laporan media, seorang pengguna kereta api berusia 34 tahun terbunuh manakala dua remaja antara mangsa yang cedera.

Ketua transit di Jabatan Polis New York, Michael Kemper menyifatkan kejadian itu sebagai kes terpencil.

Polis tempatan masih berusaha mengenal pasti sekurang-kurangnya seorang lagi penyerang yang melarikan diri dari tempat kejadian. - ©BERNAMA

KPU Indonesia pelawa negara sahabat jadi pemerhati Pemilu 2024

JAKARTA, 13 Feb. - Suruhanjaya Pilihan Raya Umum (KPU) Indonesia mempelawa negara sahabat untuk menjadi pemerhati pada Pilihan Raya Umum (Pemilu) 2024 menerusi Program Lawatan Pilihan Raya Indonesia (IEVP), lapor Agensi Berita ANTARA.

Bercakap di pejabat KPU di Jakarta pada Isnin, Pengerusi KPU, Hasyim Asy'ari berkata program itu memberi peluang kepada pelbagai pihak untuk mengikuti perkembangan pelaksanaan Pemilu di Indonesia.

"Dalam pilihan raya umum ini, pengundian dan pengiraan undi dibuat di pusat mengundi. Hasil persetujuan, KPU mempelawa

negara sahabat melalui wakil di kedutaan mereka di sini," katanya.

Menurut Asy'ari, amalan demokrasi pilihan raya Indonesia paling rumit di dunia kerana sistem senarai pilihan raya yang terbuka.

Beliau berkata keunikan itu berdasarkan jumlah kawasan pilihan raya yang mencecah sebanyak 2,749 kawasan dengan pengundian bagi cabang eksekutif dan legislatif di semua peringkat dijalankan secara serentak.

Memetik analisis pakar dunia serta pemerhati pilihan raya, beliau berkata Pemilu di Indonesia merupakan pilihan raya umum terpendek di dunia.

"Apa yang dimaksudkan dengan

pilihan raya umum terpendek ialah tempoh mengundi," kata Asy'ari.

Indonesia akan mengadakan Pemilu pada 14 Februari 2024, menyaksikan kira-kira 204.8 juta pengundi dijangka melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Tempoh kempen politik bermula pada 28 November 2023 dan berakhir pada 10 Februari 2024, diikuti tempoh bertenang dari 11 hingga 13 Februari 2024.

Rakyat Indonesia akan memilih presiden dan naib presiden serta anggota Dewan Perwakilan Rakyat, Dewan Perwakilan Daerah dan Dewan Undangan Wilayah di peringkat wilayah, bandar dan daerah. - ©BERNAMA

Pembinaan lebih 100KM jalan hubungkan Miri ke Long Terawan dijangka bermula tahun depan

MIRI, 13 Feb. - Pembinaan jalan lebih 100 Kilometer menghubungkan Miri, Marudi, Mulu dan Long Terawan dijangka bermula tahun depan, kata Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Beliau berkata pelan laluan jalan raya itu telah dipersetujui dan apabila siap kelak akan memendekkan masa perjalanan dari Miri ke Long Terawan kira-kira satu setengah jam.

"Dengan adanya jalan itu, Mulu boleh dihubungkan dengan kawasan Gunung Buda di Limban.

"Harap-harap dapat mulakan

tahun depan kerana tahun ini JKR masih melakukan proses tender," katanya semasa berucap pada Majlis Makan Malam Tahun Baharu Cina Jawatankuasa Perhubungan SUPP Parlimen Miri-Sibuti di sini, malam tadi.

Abang Johar berkata kawasan Niah di Miri juga akan dibangunkan dengan infrastruktur asas bagi meningkatkan nilai pelancongan di sana.

Ia lanjutan daripada cadangan Sarawak kepada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk menjadikan Niah sebagai Tapak Warisan Dunia.

Dalam pada itu, Abang Johari turut menasihati rakyat Sarawak untuk menguasai teknologi baharu khususnya ekonomi hidrogen agar mampu bergerak seiring dengan kerajaan Sarawak untuk memajukan lagi negeri itu.

Sarawak kini katanya menyasarkan untuk menjadi pengeluar utama hidrogen di dunia dan akan menjual tenaga hidrogen kepada Korea dan Jepun bermula 2028. - ©BERNAMA

Satu lagi bencana kemanusiaan melanda Gaza

WASHINGTON, 13 Feb. - Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Dennis Francis pada Isnin menyuarakan kebimbangan mengenai serangan Israel ke atas bandar Rafah, lapor Agensi Anadolu.

"Saya amat bimbang dengan peningkatan operasi ketenteraan di Rafah dengan lebih sejuta orang awam yang berlindung sudah berada dalam keadaan yang amat sukar.

"Satu lagi fasa bencana kemanusiaan. Ini bukan jalan menuju keamanan yang mampan," katanya di platform X.

Beliau akan terus merayu kepada semua pihak berkepentingan untuk menghentikan pertumpahan darah dan memulakan dialog bermakna demi keamanan yang berkekalan.

Tentera Israel merancang untuk melancarkan serangan darat di Rafah, sebuah kawasan yang menempatkan lebih sejuta orang yang mencari tempat perlindungan.

Israel telah menyerang Semenanjung Gaza sejak Oktober, membunuh sekurang-kurangnya 28,340 orang dan mencederakan 67,984 lagi.

Serangan Israel telah menyebabkan 85 peratus penduduk Gaza hilang tempat tinggal di tengah-tengah kekurangan makanan, bekalan air bersih dan ubat-ubatan manakala 60 peratus infrastruktur di wilayah itu rosak atau musnah, menurut PBB. - ©BERNAMA

Google akan labur dalam latihan AI di Eropah

SAN JOSE, 13 Feb. - Kumpulan teknologi yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Alphabet Inc, Google melancarkan "AI Opportunity Initiative for Europe" bagi menyediakan latihan kemahiran kecerdasan buatan (AI), lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Dana sebanyak €25 juta (US\$26.9 juta) akan disalurkan bagi membantu orang ramai memanfaatkan peluang dalam bidang AI memandangkan Eropah berada pada kedudukan yang baik menerajui bidang ini.

Google bekerjasama dengan Kesatuan Eropah (EU), masyarakat sivil, ahli akademik dan sektor perniagaan untuk menyediakan latihan AI yang canggih kepada pemula tempatan dan komuniti berisiko ketinggalan ekor perkembangan penggunaan AI di tempat kerja.

Inisiatif AI terbaharu Google di Eropah yang dipanggil "Grow with Google", menawarkan latihan percuma untuk menangani jurang kemahiran digital di EU.

Program AI ini akan melatih golongan profesional dalam memanfaatkan teknologi terbabit di tempat kerja.

Google membuka permohonan bagi perusahaan sosial dan organisasi tidak berasaskan keuntungan untuk mendapat manfaat daripada latihan itu.

Organisasi terpilih akan menerima latihan khas mengenai pengenalan AI.

Google juga telah mengembangkan kursus asas AI kepada 18 bahasa dan meningkatkan program Sijil Kerjaya Google dengan menawarkan pengalaman praktikal dalam menggunakan AI dalam bidang profesional.

Pengarah Eksekutif Pusat Impak Awam Adrian Brown berkata program baharu itu akan membantu orang ramai di seluruh Eropah mengembangkan pengetahuan, kemahiran serta keyakinan mereka tentang AI dan memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

- ©BERNAMA



KEPENTINGAN AMALAN GAYA HIDUP SIHAT



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Februari. - Kesedaran orang ramai tentang kepentingan melakukan senaman, beriadah ataupun bersukan jelas ketara dan semakin meningkat hari demi hari.

Ini dapat dilihat bukan sahaja pada setiap hujung minggu, bahkan ramai yang meluangkan masa setengah jam hingga satu jam selepas waktu bekerja untuk beriadah dan bersukan.

Bersukan ataupun melakukan apa jua aktiviti fizikal bukan sahaja amat bermanfaat kepada kesihatan setiap individu, malah ia boleh mengurangkan risiko penyakit berbahaya seperti diabetes, kanser, strok dan penyakit kardiovaskular.

Bukan itu sahaja, dengan melakukan

aktiviti fizikal, ia juga menjadikan badan kita lebih sihat di samping membantu kita mendapat *mood* yang lebih baik, cergas, bertenaga serta mengelakkan daripada keletihan dan badan lesu.

Kita perlu mengimbangkan masa bekerja, berehat dan bersukan atau beriadah supaya kesihatan fizikal dan mental terjamin. Setiap individu, tidak kira kanak-kanak, orang dewasa atau warga emas perlu melakukan aktiviti fizikal secara kerap untuk kesihatan yang lebih baik.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mencadangkan semua orang melakukan senaman berintensiti sederhana selama 150 minit setiap minggu manakala senaman berintensiti tinggi pula perlu dilakukan

sekarang-kurangnya selama 75 minit.

Menyentuh mengenai jenis senaman pula, kita diingatkan untuk memilih senaman yang bersesuaian dengan masalah kesihatan atau keadaan fizikal masing-masing bagi mengelakkan sebarang kesan sampingan. Aktiviti seperti berjoging, berjalan kaki, berbasikal, badminton, bola sepak dan rekreasi bebas dinikmati oleh semua orang.

Seperti waktu tidur dan makan, bersukan juga ada waktu yang sesuai untuk kita lakukan. Sama ada pada waktu pagi, petang atau malam, yang sebenarnya awda bebas melakukannya pada waktu yang dirasakan sesuai bergantung kepada gaya hidup masing-masing.

Selain waktu pagi, petang atau malam merupakan antara waktu yang paling ramai orang melakukan aktiviti sukan lebih lagi mereka yang ingin mengambil

KEPENTINGAN melakukan senaman, beriadah ataupun bersukan jelas ketara dan semakin meningkat hari demi hari.

kesempatan untuk bersukan selepas waktu bekerja.

Ini kerana bersukan selepas waktu bekerja dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi seharian kerana pada ketika ini otak akan bertindak lebih aktif dan memfokuskan kepada pergerakan badan yang dilakukan.

Bukan itu saja, kita boleh melakukan senaman yang lebih berat jika bersukan pada waktu petang berbanding waktu pagi kerana kita mempunyai masa yang cukup untuk berehat sepanjang malam. Individu yang selalu bersenam juga cenderung mempunyai berat badan dan kesihatan mental yang lebih baik serta hidup yang lebih berkualiti.

Di negara kita, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyediakan tempat-tempat dan kemudahan-kemudahan untuk bersukan untuk orang ramai.

Oleh itu, sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam, kita perlu memanfaatkan sepenuhnya kemudahan infrastruktur yang disediakan selain bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam menjaga kemudahan sukan yang disediakan oleh kerajaan.

Pan Gon akan terus bersama Harimau Malaya

PETALING JAYA, 13 Feb. - Ketua Jurulatih Harimau Malaya Kim Pan Gon akan terus membimbing skuad Harimau Malaya bagi mengharungi perlawanan penting termasuk pusingan Kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027.

Perkara itu disahkan Naib Presiden FAM Datuk Mohd Yusoff Mahadi dan berkata tiada permintaan rasmi dibuat Persatuan Bola Sepak Korea Selatan (KFA) kepada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) untuk membawa pulang Pan Gon, kepada pasukan negara kelahirannya itu.

"Pan Gon akan terus mengendali skuad senior kebangsaan apatah lagi skuad negara akan berdepan perlawanan penting iaitu pusingan Kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027 bertemu Oman, Mac ini.

"Korea Selatan sendiri yang mencadangkan Pan Gon bagi meningkatkan prestasi Malaysia sebelum ini. Jadi tak mungkin mereka panggil Pan Gon balik di saat kita memerlukan," katanya pada

sidang media selepas Mesyuarat Ke-10 Jawatankuasa Eksekutif FAM bagi Penggal 2021-2025 yang turut dihadiri Presidennya Datuk Hamidin Mohd Amin di Wisma FAM di sini hari ini.

Menurut beliau FAM sudahpun menandatangani kontrak dengan Pan Gon dan mempunyai perancangan tersendiri bagi memastikan peningkatan prestasi berterusan skuad Harimau Malaya.

Baru-baru ini tular di media sosial nama Pan Gon disebut-sebut untuk pulang berkhidmat ke Korea Selatan bagi memulihkan semula maruah bola sepak skuad Taeguk Warriors itu selepas gagal menjulang trofi Piala Asia buat kali pertama dalam tempoh 64 tahun.

Harimau Malaya mencipta kejutan apabila mengikat skuad Taeguk Warriors 3-3 pada aksi terakhir Kumpulan E Piala Asia di Stadium Al Janoub pada 28 Jan lepas.

Namun, kejayaan itu tidak cukup untuk Harimau Malaya mencatat sejarah mara ke

pusingan 16 terbaik pada Piala Asia 2023 selepas tewas dalam dua aksi terdahulu menentang Jordan (0-4) dan Bahrain (0-1), sekali gus menamatkan saingan Kumpulan E di tempat tercorot dengan satu mata.

Sementara itu, Yusoff turut berkata antara keputusan yang dicapai mesyuarat yang diadakan hari ini adalah ketua jurulatih skuad bawah-23 tahun (B-23) Juan Torres Garrido turut akan mengendali pasukan kebangsaan B-20 sebagai ketua jurulatih.

Selain itu, beliau berkata FAM turut mengucapkan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang memberikan peruntukan khas RM5 juta kepada Harimau Malaya, baru-baru ini.

"FAM percaya peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Malaysia adalah manifestasi sokongan padu tidak berbelah bagi pucuk pimpinan kerajaan terhadap FAM yang mengawal selia semua kegiatan bola sepak tempatan," katanya.

Dalam pada itu, Yusoff berkata

FAM telah menerima keputusan rasmi Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) untuk mengekalkan status pendaftaran badan sukan bagi Persatuan Bolasepak Perak Darul Ridzuan (PAFA) 9 Feb lepas.

PAFA sebelum ini dihipit kemelut susulan pembatalan dan pembubaran persatuan itu pada Jun tahun lepas dinoktahkan selepas KBS meluluskan permohonan PAFA untuk mengekalkan statusnya sebagai sebuah entiti.

Ia selepas persatuan itu digantung selama enam bulan berikutan isu kewujudan dua kumpulan yang mendakwa masing-masing sebagai jawatankuasa sah badan induk persatuan yang berusia lebih 100 tahun itu.

Dalam pada itu, katanya keputusan lain mesyuarat itu turut mengesahkan FAM akan mengadakan Program Akar Umbi Bolasepak Wanita dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Negeri Johor (PBNJ) bagi kategori 10-15 tahun pada 1 Mac di Pengerang Johor. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMBAHYANG PENAWAR BAGI KEHIDUPAN DUNIA AKHIRAT